


10

NADI insan

- Kisah Pahit Gula N.S.
- Dalang Soviet Di Afghanistan
- Siri Kartun Baru:
Al-Kisah Kapitalisme
- China Syndrome
& Masalah Nuklear


FEBRUARI 1980
KDN 0049/80
\$1



**PERUSAHAAN AWAM:
PAGAR MAKAN PADI?**

**PENUNTUT SAINS
POLITIK,
AHLI POLITIK
dan SESIAPA SAHAJA
YANG INGINKAN
PENGETAHUAN
POLITIK**

Sebuah terjemahan dari buku Inggeris
"POLITICS: WHO GETS WHAT, WHEN, HOW"



208 halaman
\$5.00

Membentangkan pemikiran saintifik bagi
merumuskan satu model teori tentang bagaimana faktor-faktor
yang dipilih boleh menyesuaikan antara satu sama lain
sebelum teori ini berhadapan dengan keadaan sebenar



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Peti Surat 803, Kuala Lumpur, 08-08 Malaysia.
Telefon 481169 481240 481371 481437 481710

NADI Insan

BILANGAN 10

Para pembaca dilingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
 Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana Ariffin.
 Pelukis : Jaseni, Lim, H.S. Chia.
 Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.
 Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

FEBRUARI 1980

pena penyunting	2
surat dari pembaca	3
nasional	5 Perusahaan Awam: Pagar Makan Padi?
	10 Kisah Pahit Gula N.S.
antarabangsa	13 Pergolakan Terbaru Di Afghanistan
seni/wawancara	19 Wajih Nahle
antarabangsa	23 Revolusi Di Iran
	26 Amerika Syarikat: Dalang Sebalik Shah
kartun	27 Al-Kisah Kapitalisme
buku	32 Apa Sebenarnya Kekurangan Shahnون
pojok	33 Pencak Langkah
sains	34 Monkey Business
cerpen	36 The River That Dies
sajak	38 Mentera Kepada Dunia
	Salam Dari Chicago
filem	40 The China Syndrome

Orang seni timbul sekali lagi dalam ruangan wawancara kita. Kali ini, NI berpeluang menukar pendapat dengan tokoh seni dari Lubnan—Wajih Nahle—mengenai gaya seni khat abstraknya dan hubungannya dengan masalah masyarakat Arab serta kepercayaan kepada agama Islam.



Pendedahan mengenai kerugian teruk Syarikat Gula Negeri Sembilan baru-baru ini telah menarik perhatian orang ramai kepada soal perusahaan awam. Dalam keluaran ini, Suria Hamid membincangkan perkembangan perusahaan awam di Malaysia serta implikasinya dari segi kebijakan rakyat



Dengan keluaran Februari (10) ini, bermulalah siri kartun baru mengenai perkembangan sistem sosial sedunia kini yang berpunca di Barat dan telah pula menyerap masyarakat-masyarakat lain di seluruh dunia, termasuk rantau kita.

Serangan militer Soviet terhadap Afghanistan pada penghujung dasawarsa tujuh puluhan telah memeranjatkan rakyat seluruh dunia. Tetapi kebanyakan berita yang disiarkan dalam akbar tempatan berpunca dari agensi berita Barat yang mencerminkan kepentingan-kepentingan tertentu. Di sini, NI cuba meneliti perkembangan di Afghanistan dalam dua tahun kebelakangan ini.

**JIMATKAN WANG
NADI TERUS
KE RUMAH
Insan ANDA**

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
 Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
 INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel	Mel
	Blasa	Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan,		
Asia Timur, Australia		
New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah,		
Eropah ——————	MS16	MS36
(£ 4)	(£ 9)	
Afrika, Amerika —	MS16	MS44
(USS8)	(USS22)	
(Langganan Setahun)		

Pena Penyunting

Peralihan dari dasawarsa tujuh puluhan ke dekad baru kini sungguh penuh dengan pergolakan. Di samping keadaan di Indochina, Iran dan Zimbabwe—yang pernah dibincangkan dalam keluaran-keluaran yang lepas—baru-baru ini berlaku pula serangan militer Soviet terhadap Afghanistan.

Malangnya, punca-punca berita kita dari luar negeri semuanya datang melalui agensi-agensi Barat yang mempunyai kepentingan-kepentingan mereka tersendiri. Dalam keluaran ini, beberapa artikel cuba menyiasat perkembangan-perkembangan di negeri Asia Tengah itu yang telah membawa ke keadaan kini.

Pada bulan Disember lepas, Yayasan Syed Kecik telah menganjurkan pamiran seni khat oleh seorang artis Arab yang terkenal, Wajih Nahle dari Lubnan. Kami berpeluang berwawancara dengan beliau mengenai beberapa perkara, termasuk seninya, agama, keadaan di rantau Asia Barat serta seni batik kita sendiri.

Kembali ke tanahair kita pula, isu-isu kebangsaan tidak berkurangan. Pendedahan mengenai kerugian Syarikat Gula N.S. baru-baru ini telah menimbulkan banyak persoalan mengenai kedudukan serta masa depan perusahaan-perusahaan awam, terutama sekali yang telah ditubuhkan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun sudah jelas bahawa kebanyakan badan-badan ini sedang mengalami kerugian, soalan yang timbul dalam pemikiran orang ramai ialah: Mengapa?

Sejak pengumuman DEB, kita—terutama sekali orang Melayu—menaruh harapan kepada perusahaan-perusahaan ini untuk mencapai suatu masyarakat yang lebih adil. Tetapi pengalaman badan-badan ini menimbulkan persoalan lain juga: Patutkah kita mengharapkan pagar kalau sudah jelas bahawa pagar itu makan padi kita.

Sejak ruangan pojok '*Pencak Langkah*' kehilangan dalam keluaran Disember 1979, kami telah menerima beberapa pucuk surat yang menyeru supaya ruangan itu diteruskan. Kami pula telah cuba memujuk Hanuman yang telah menghilangkan dirinya, supaya menulis semula.

Dalam keluaran ini, Hanuman telahpun kembali, tetapi dengan satu syarat. Dia telah minta supaya kami menerbitkan makalah Inggeris mengenai kesulitan yang dihadapi saudara-maranya yang berjudul *Monkey Business*. Hanuman mendakwa bahawa jika rakyat negeri ini tidak tolong mempertahankan negeri ini dari kuasa-kuasa asing—yang biasanya menyamarkan tujuan sebenar mereka—nyawanya juga akan terkorban. Kalau macam itu, katanya keadaan akan bertambah buruk dengan kekurangan berok.

Rasalah degup
Jantung rakyat,
bacalah

NADI INSAN

HANYA SERINGGIT Keluaran lepas:

JANUARI/9

- Wawancara: Aziz Ishak
- Keadaan Buruk Di Bank Buruh
- Harta Shah & Pergolakan Di Iran

DISEMBER/8

- Wawancara: Anwar Ibrahim
- Belanjawan Negara '80
- Pelabuhan Kuantan.

NOVEMBER/7

- Yasmin Yusuf; Hassan Ibrahim
- Masalah: Pekebun Kecil; Perumahan
- Peristiwa: Baling, Sg. Udang, Lubuk Kundang

OKTOBER/6

- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

SEPTEMBER/5

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setinggan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

OGOS/4

- Wawancara: Jln Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

JULAI/3

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria – Pesaka Umum

JUN/2

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

MEI/1

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah: Bhutto.

Dengan tamatnya siri kartun NI yang kedua dalam keluaran bulan lepas, kami memulai siri baru yang mengisahkan perkembangan sistem sosial kita kini dari puncanya beberapa abad lepas di Eropah Barat. Siri panjang ini akan cuba menyampaikan gambaran ringkas mengenai sejarah dunia moden sejak lima kurun dahulu.

Kepada para pembaca keturunan China, kami mengucapkan Selamat Tahun Baru dan kepada kawan-kawan lain, selamat membaca.



MUTU NADI INSAN

Sharifah Munirah, Changloon, Kedah: Nampaknya mutu keluaran NI telah sampai ke kemuncaknya dengan terbitan no. 7. Rencana-rencana mengenai Baling, Sungai Udang dan Lubok Kundang amat menarik sekali. Tetapi, malangnya, mutu persembahan telah merosot kemudian. Ini jelas dilihat dalam keluaran no. 8. Kami berharap sidang pengarang NI dapat menaikkan semula mutu keluaran-keluaran yang akan datang.

ASHANTI

Awang Jusoh, Pasir Puteh, Kelantan: Ulasan filem 'Ashanti' adalah amat wajar dan pendirian pengulasnya akan diterima di khalayak ramai. Tetapi mengapa pula ABIM diberi maksud baru?

NI menjawab: Kami meminta maaf kepada pengarang ulasan filem itu, sdr. Manan kerana namanya tertinggal apabila rencana itu diterbit. Salah seorang daripada sidang redaksi telah menyalahandaikan bahawa pengarang ulasan filem bulan sebelum itu (November) yang bertanggungjawab atas ulasan itu juga.

Mengikut sdr. Manan dia tidak ingin memberi maksud lain daripada maksud ABIM yang sebenar-

nya. *Walaubagaimanapun, beliau pernah mendengar orang lain memaki nama baik ABIM kerana kononnya ABIM memperjuangkan kepentingan serta cara hidup Arab di Malaysia. mengikut sdr. Manan lagi, jika ABIM hanya mengambil sikap tegas terhadap filem yang merosakkan nama baik orang-orang Arab, tuduhan nakal itu akan diberi alasan secara tidak sengaja.*

PENDIRIAN ANWAR IBRAHIM

Rosli Zawawi, Pasir Puteh, Kelantan: Konsepsi saudara Anwar Ibrahim mengenai apa yang sebenarnya dituntut oleh agama kita amat menarik. Kami boleh setujui dengan pandangannya pada keseluruhannya tetapi terdapat beberapa perkara yang patut diperbaiki lagi untuk mencapai penyelesaian yang lebih sempurna.

Berikut dengan ini, kami juga tertarik dengan tulisan sdr. Dr. Chandra Muzaffar Shah dewasa ini serta beberapa terbitan badannya, Aliran. Nampaknya, sdr. Anwar tidak berapa setuju dengan aliran progresif dalam Islam yang diperkatakan oleh sdr. Chandra.

Untuk menyatupadukan umat Islam ke arah cara hidup baru yang

adil dan sempurna, kita harus mengasingkan pendirian kita dari mereka yang melaung-laungkan cogaknata Islam demi kepentingan lain, pihak imperialis misalnya. Selama kita tidak mempersoalkan aliran-aliran konservatif—yang kononnya melambangkan Islam—seperti regim militer Jeneral Zia di Pakistan atau kerabat diraja Arab Saudi, gerakan kita tidak dapat mencapai kejayaan.

Berasaskan pandangan ini, ada beberapa perkara dalam wawancara sdr. Anwar dengan majalah Nadi Insan yang patut diberi perhatian yang lebih teliti. Di sini, kami menimbulkan satu perkara sebagai contoh. Pada muka 5 dalam wawancara itu, sdr. Anwar mengatakan bahawa 'Islam tidak melihat pertentangan antara golongan kaya miskin.'

Tetapi kemudian beliau berpendapat: 'Kalau golongan berada ini tidak bersedia bekerjasama, pertentangan akan berlaku' (muka 5) dan 'Pertentangan antara golongan miskin dan kaya tidak dianjurkan' (muka 6). Soal yang timbul di sini adalah samada kita boleh mengharapkan golongan yang berkuasa akan menyerahkan kepentingan mereka tanpa paksaan daripada golongan tertindas. Sejarah masyarakat dapat menjawab soalan ini. Dan kita harus mengambil pendirian yang sesuai terhadap perkara ini.

Berikut dengan ini, kita harus mengakui bahawa ada banyak perkara yang belum diselesaikan lagi dan yang boleh diselesaikan atas prinsip ijтиhad. Misalnya, walaupun terdapat banyak buku mengenai ekonomi Islam, soal ini masih dibahaskan. Ada pihak yang sedang cuba menghalalkan amalan riba dengan menggunakan khayalan tertentu. Ada pula pihak lain yang berpendapat bahawa larangan terhadap riba pada zaman Rasul patut dikembangkan sekarang supaya melibatkan segala jenis penindasan masakini.

Sekian terimakasih. Wassalam.

DR. BURHANUDDIN

Mustapha Hj. Hussain, Taiping, Perak: Saya harap agar tuan dapat siarkan surat saya ini dalam majalah tuan untuk menerangkan suatu kesilapan yang timbul dari ucapan saya pada malam 25hb. Oktober, 1979 di Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memperingati perjuangan sahabat saya Allahyarham Dr. Burhanuddin bin Mohd. Nor—moga-moga roh beliau dicucuri rahmat oleh Allah. Amin.

Dalam ucapan saya itu, di antara lain, saya telah berkata bahawa Dr. Burhanuddin telah diberi nama kod (*code name*) 'Sparrow' oleh Jabatan Polis Malaya. Maka perkataan sparrow itu ialah burung pipit (Malaya Selatan) atau pipit genting (Malaya Utara) dalam bahasa kita—bukanlah layang-layang sebagaimana yang terdapat dalam majalah tuan dan beberapa akhbar-akhbar yang lain. Dalam bahasa Inggeris burung layang-layang itu *swallow* atau *swift* dan bukan *sparrow*.

Saya telah dibisikkan nama kod ini bagi tokoh pejuang kebangsaan (kiri) oleh seorang pegawai polis yang kini sudah bersara dan saya telah menggunakannya di petang yang bersejarah itu sebagai suatu iktibar. Sungguhpun burung ini kecil saja (jenis pipit), berbulu yang tidak menarik, dilihat kurus kering, berpenyakit lelah (*asthma*) seperti manusia juga, selalu ter-takut-takut dan berwaspada tetapi loh!

Apabila terlihat saja akan sebuah bangunan yang besar, separuh umur dan usang bagaimana juga dengan Empayar British lepas Perang Dunia II, maka singgahlah ia untuk menyiasat dan jika ia berminat, maka mulalah ia mengangkut anak-cucunya dan bangunan itupun musnahlah kerana dijadikannya jajahan baru dengan kayu dan atap genting dimamah-mamahnya sebagai ulam. Tetapi tidak serupa dengan burung layang-layang atau

swallow yang pandai membuat kotor sahaja.

Ada satu lagi perkara yang telah salah dipetik oleh akhbar-akhbar. Ya, adalah benar saya telah mengambil Dr. Burhanuddin untuk memegang suatu jawatan dalam Pentadbiran Jepun di Singapura (Syonan di waktu itu) dan oleh kerana Dr. Burhanuddin bukanlah seorang ahli KMM maka tindakan saya itu telah dicabar oleh kawan-kawan di Singapura.

Mereka lebih suka jika saya beri peluang ini kepada Allahyarham Ustaz Abu Bakar Al-Bakir kerana ia adalah seorang ahli KMM dan telah mengutuskan sekurang-kurangnya dua orang pemuda dari Semanggol ke Medan Perang. Apabila Pejabat Jepun (Gunseikanbu) berpindah ke Taiping, maka beliau juga telah dibawa sama oleh Jepun.

Apa yang tidak benar ialah kata-kata bahawa pemimpin Jepun sendirilah yang turut memperkuuhkan lagi ketokohan Dr. Burhanuddin sebagai seorang pejuang dan pemimpin.

Maka yang sebenarnya orang yang telah berkhidmat untuk mengetuk pintu Pembesar-Pembesar Melayu di Perak, Mudir-Mudir sekolah rakyat sendiri tak lain bukan ialah Allahyarham Pak Haniff bin Sulaiman, seorang penduduk Taiping, berkerabat dengan Orang Besar di Batu Gajah, ahli perniagaan (agency), ahli KMM tertua yang setia dan meninggal dunia selepas pemerintahan Jepun. Saya pernah dengar katanya, 'Ini dia teman bawa gedung ilmu.'

BAEZ'S BIAS

S. Ravindra Kumar, Subang, Selangor: The article and interview in the December issue of Nadi Insan is one of the most unbalanced pieces I have ever seen. JKS shows no respect for the integrity and honesty of one of the most consistently humanitarian artistes of

our time. Vietnam's real intentions are obvious and both the Kampucheaans and the boat people can vouch for what they are.



Kampuchean refugees

T.C. Choong, Taiping, Perak: Why does Nadi Insan flatter an ill-informed, naive and publicity-seeking singer (who is probably being manipulated by others as well) with an interview and article on her. She came to our country under very questionable circumstances and objectively serves the position of Western interests with regard to Southeast Asia.

JKS replies: The original 25 minute interview with Joan Baez was apparently edited for space reasons. The original article I submitted was edited for similar reasons.

Since the rest of the local press had given generous space to certain aspects of the singer and her visit, we chose to expose NI readers to the underlying reason for her recent visit and also to her recent differences with some of her erstwhile 'allies'.

The situation in Indochina today is very complex and while one may respect JB's stand, it appears to have been originally inspired by some highly suspect information. Whether or not one honestly chooses to criticize the Vietnamese stand in relation to either Kampuchea or the refugees should not affect one's respect for truth, reliable information and objective analysis.

NI

PERUSAHAAN AWAM: PAGAR MAKAN PADI?

Suria Hamid

Pada pertengahan bulan November tahun lalu, Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Rais Yatim telah mengumumkan bahawa Syarikat Gula N.S.—sebuah anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan (PKENS)—telah bankrup dan akan ditutup. Syarikat tersebut, yang telahpun menelan belanja sebanyak \$100 juta sejak tertubuhnya pada tahun 1975, telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$47 juta.

Selang beberapa hari lepas itu Datuk Rais juga telah mengumumkan bahawa tujuh buah anak syarikat PKNS yang lain akan juga dibubarkan kerana mengalami kerugian. Pada 20hb. November pula, Menteri Perusahaan Awam telah mengumumkan yang empat buah syarikat usahasama PKENS juga telah mengalami kerugian dan akan ditutup di penghujung tahun 1979.

Negeri-Negeri Lain

Masalah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) mengalami kerugian dan terpaksa ditutup bukan saja berlaku di Negeri Sembilan. Pada masa yang sama, wakil Kerajaan Negeri Perak telah juga mengumumkan yang Syarikat Gula Perak—sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)—telah mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$20 juta. Selain dari itu, beliau juga memberitahu bahawa dua buah anak syarikat PKNP yang lain juga mengalami kerugian berjumlah \$300,000 pada tahun ini.

Di negeri Johor pula, empat buah anak syarikat PKENya—iaitu Kilang Tepung Ikan, Syarikat Pulau Nenas, Syarikat Johore Toys dan Syarikat Johor Hotel & Catering

Management Services—juga terpaksa ditutup kerana mengalami kerugian. Sementara itu, empat buah lagi anak syarikatnya yang lain juga turut mengalami kerugian tetapi telah dibenarkan meneruskan perniagaan mereka.


Berita-berita di atas telah menimbulkan semula perasaan tidak senang hati orang ramai terhadap PKEN di semua negeri. Walaupun berita anak syarikat PKEN mengalami kerugian dan terpaksa digulung bukan lagi merupakan perkara baru kepada orang ramai, tetapi mereka tidak pula menganggapnya sebagai masalah kecil. Malahan, ramai di antara mereka telah merasa begitu kecewa sekali apabila mereka

mendapati ratusan ribu ringgit duit rakyat telah lesap begitu saja.

Tambahan pula, perkara seperti ini bukan saja berlaku di kalangan agensi kerajaan di peringkat negeri saja, sebaliknya, ia juga berlaku di kalangan agensi kerajaan di peringkat kebangsaan.

Sebagai contoh, dalam tahun 1978 dulu, sebuah akhbar tempatan telah menimbulkan perkara Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) yang dijangka akan kerugian sebanyak \$220 juta di dalam tempoh 3 tahun kerana 5 tangki gas cecairnya tidak ada kerja hingga tahun 1982. Sebelum itu, orang ramai juga telah diberitahu mengenai isu Bank Rakyat di mana \$60 juta telah lesap.

Kemudian pula, orang ramai terbaca pula berita mengenai isu Pelabuhan Kelantan yang menelan belanja besar sebanyak lebih dari \$200 juta. Belumpun sempat kapal



berlabuh di situ, limbungannya sudahpun retak. Orang ramai yang sering membaca berita bagaimana MARA telah memberi pinjaman wang berjuta-juta ringgit tetapi telah gagal memungutnya balik.

Soalan Dari Rakyat

Di samping menimbulkan perasaan kecewa, bimbang dan marah terhadap agensi-agensi kerajaan yang gagal, perkara-perkara di atas juga telah menimbulkan berbagai-bagai soalan. Sebagai contoh, orang ramai ingin tahu kenapa agensi kerajaan selalu saja rugi?

Siapakah yang harus bertanggungjawab mengenai masalah-masalah ini? Sudahkah kajian yang lebih mendalam dijalankan untuk mencari punca masalah? Dan apakah langkah yang telah diambil untuk menentukan supaya wang rakyat yang banyak tidak lagi lesap begitu saja.

Untuk menjawab soalan-soalan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Tetapi, dengan mengkaji perkembangan serta kegiatan setengah-setengah agensi kerajaan,

mungkin kita dapat memahami masalah ini secara lebih lanjut lagi.

Perkembangan Sektor Awam

Secara kasar, agensi-agensi kerajaan bolehlah dibahagikan kepada tiga kumpulan utama, iaitu:-

- a. agensi yang berbentuk jabatan kerajaan seperti Jabatan Pos, Jabatan Telekom, LLN, KTM, dll.
- b. perusahaan awam yang berbentuk perbadanan, seperti MADA, FIDA, FELDA, dll.
- c. perusahaan awam yang berbentuk syarikat, seperti Pernas, Petronas, anak syarikat PKEN, dll.

Agensi kerajaan berbentuk jabatan telah didirikan sejak zaman penjajahan lagi. Pembentukan agensi-agensi ini telah dikatakan bertujuan untuk membekal kemudahan-kemudahan penting seperti air, api, elektrik, perkhidmatan pos, dsb. dengan harga yang murah.

Tetapi, pada hakikatnya, pembentukan agensi-agensi ini adalah merupakan satu cara bagaimana pihak pemerintah kolonial mengu-

rangkan perbelanjaan syarikat-syarikat swasta, yang sebahagian besarnya dimiliki oleh pemodal-pemodal asing.

Misalnya, satu kajian, oleh seorang 'pakar' Bank Dunia, pernah menunjukkan bahawa pada tahun 1972, pihak pemerintah telah membiayai subsidi sebanyak \$34.6 juta kepada Lembaga Letrik Negara dan sebanyak \$66.0 juta kepada Keretapi Tanah Melayu.

Walaupun, barangkali, semua pengguna akan menikmati sebahagian daripada faedah pembiayaan ini, kebanyakannya akan dinikmati oleh pengguna-pengguna terbesar, iaitu industri-industri swasta yang memerlukan tenaga elektrik dan peniaga-peniaga yang menggunakan perkhidmatan keretapi untuk pengangkutan.

Rakyat jelata yang paling miskin pula tidak mempunyai peluang untuk menikmati faedah dari kemudahan awam seperti ini. Ramai keluarga masih belum menikmati bekalan elektrik dan air paip, sedangkan keutamaan masih diberi kepada keperluan sektor swasta,

Jadual 1 :
Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Kepada Perusahaan Awam Dalam Sektor Industri dan Perdagangan 1966-70, 1971-75 & 1976-80 (juta ringgit).

Perusahaan Awam	1966-70	1971-75	1976-80
PERNAS	10	150	200
MARA	50.9	215.3	315.0
PKEN	—	192.9	423.8
UDA	—	175.0	217.0
MIDF	16.0	100.0	—
MARDEC	2.6	76.71	132.9
MISC	10.1	107.0	11.0
Lain-lain agensi (TDC, FIDA, NISIR, NPC, FIMA)	3.7	34.4	60.0

terutama sekali kilang-kilang.

Sejak tahun 1957, beberapa perusahaan awam yang berbentuk perbadanan dan syarikat telah mula ditubuhkan. Tetapi, pada keseluruhaninya, bilangan dan kuasa perusahaan awam dalam tahun enam puluhan adalah kecil.

Pada masa itu, pihak kerajaan menganggapkan bahawa perannya dalam bidang ekonomi hanya-lah setakat mengujudkan keadaan politik dan sosial yang stabil dan menyediakan kemudahan infrastruktur (seperti jalan, keretapi, kawasan perindustrian, kewangan dkk) yang cukup untuk membolehkan pihak swasta meneruskan kegiatan ekonomi mereka.

Kenyataan ini dapat dilihat dari corak perbelanjaan kerajaan pada masa itu. Sebagai contoh, di antara tahun 1956-60, lebih 50% daripada jumlah perbelanjaan kerajaan telah diperuntukan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur.

Malahan, ada juga perusahaan awam yang telah ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu pemodal-pemodal khususnya pemodal asing, menjalankan kegiatan mereka. Sebagai contoh, MIDFL telah ditubuhkan untuk memain peranan sebagai sumber pinjaman kepada pemodal-pemodal yang ingin mendirikan industri mereka di negeri ini. MIEL pula memainkan peranan sebagai agensi yang menyediakan tapak-tapak industri dan juga kemudahan lain untuk pengusaha swasta.

Selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam tahun 1970, bilangan perusahaan awam yang berbentuk perbadanan dan syarikat telah bertambah dengan pesat sekali. Penubuhan berbagai badan kerajaan ini dalam bidang industri dan perdagangan adalah bertujuan untuk mencapai salah satu

dari dua matlamat utama DEB, iaitu penyusunan semula masyarakat, khususnya penyusunan semula hak milik harta supaya pemodal-pemodal Bumiputra dapat memiliki sekurang-kurangnya 30% dari jumlah modal saham menjelang tahun 1990.

Malahan, perusahaan awam telah diberi tugas yang besar untuk mencapai matlamat pemilikan 30% modal saham itu. Mengikut matlamat rancangan jangka-panjang DEB, menjelang tahun 1990, perbadanan awam ini (yang dipanggil juga syarikat-syarikat Kepentingan Melayu) seharusnya memiliki sekurang-kurangnya 22.6% daripada jumlah modal saham, manakala orang-orang Melayu perseorangan diharapkan dapat memiliki sekurang-kurangnya 7.4%. Dengan perkataan lain, perbadanan awam, dikehendaki berusaha mencapai tiga-suku daripada matlamat pemilikan 30% modal saham menjelang tahun 1990.

Untuk membolehkan perusahaan awam ini memainkan peranannya dalam mencapai matlamat menyusun semula masyarakat, pihak kerajaan telah mencurahkan beratus-juta ringgit wang kepada perusahaan awam. Jadual 1 menunjukkan dengan lebih jelas lagi jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada berbagai perusahaan awam dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Dari jadual ini kita dapat melihat bagaimana jumlah wang peruntukan kepada perusahaan-perusahaan awam dalam bidang industri dan perdagangan telah bertambah dengan begitu pesat sekali.

Kegagalan Perusahaan Awam

Walaupun banyak wang telah dicurahkan kepada perusahaan-perusahaan awam, tetapi kejayaan yang telah dicapai oleh kebanyakan dari



UDA—Apakah kegiatan di dalam bangunan indah ini?

perusahaan itu, terutama anak-anak syarikat PKEN, adalah jauh dari memuaskan (lihat Jadual 2). Kenyataan ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri dalam ucapannya meresmikan pembukaan seminar mengenai PKEN di Kuala Lumpur dalam bulan April 1976 (lihat New Straits Times, 23 April 1976).

Mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Dr. M. Puthucheary dalam tahun 1976, lebih kurang 80% dari kesemua pelaburan yang dibuat oleh PKEN di seluruh Malaysia, yang berjumlah sebanyak \$158 juta, telah tidak mendapat keuntungan; setengah darinya telah mengalami kerugian.

Kajian itu telah megemukakan tiga masalah utama yang mungkin boleh menyebabkan PKEN sering menghadapi kerugian. Masalah pertama ialah kekurangan kakitangan iktisas dan juruteknik yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman.

Pengarah-pengarah... mendapat elain hingga \$200 untuk menghadiri sehari mesyuarat.

**Jadual 2 Kedudukan Kewangan Beberapa Perusahaan Awam & Anak-Anak
Syarikat Perusahaan Awam (PA)**

Nama Perusahaan Awam/ Anak Syarikat (% Hak Milik Perusahaan Awam)	Untung (+)/Rugi (-) (\$ juta)		Kadar Pulangan * (%)	
	Sebelum Cukai	Selepas Cukai	Sebelum Cukai	Selepas Cukai
1. PERNAS (Kumpulan) (100%)				
1975	— 1.87	— 5.17	— 0.6	— 2.4
1976	—12.49	—13.7	— 1.7	— 3.8
2. FIMA (Kumpulan) (100%)				
1975	— .31	— .32	— 2.8	— 2.8
3. UDA (100%)				
1975	— 4.15			
4. Malayawata (35%)				
1974	12.09	12.09	20.5	
1975	14.14	14.14	23.4	
1976	3.43	3.43	6.3	
5. Kontena Nasional (100%)				
1975	1.11	1.11	18.2	18.2
1976	3.07	1.66	36.8	21.0
6. Jaya Jeewan (Besiwa) (62%)				
1974	— 1.04	— 1.04	—26.4	
1975	— 1.02	— 1.02	—27.8	
1976	— .48	— .48	—27.0	
7. Industrial Carbon (60%)				
1975	— .42	— .42	—14.8	
1976	— .55	— .55	—19.4	
8. Federal Paver & Telekoms (60%)				
1976	— .35	— .35		
9. Coconut Corporation (80%)				
1974	— .16	— .16	—23.4	
1975	— .41	— .41	—61.3	
1976	— .11	— .11	—33.6	
10. Pamagrunia (Memasang Mesin Pertanian) (75%)				
1973	— .28	— .28	—38.2	
1974	— .18	— .18	—26.0	
1975	— .29	— .29	—41.7	
11. Mentiga Forest Products (Memproses Balak) (40%)				
1974	— 1.37	— 1.36	— 7.9	
1975	— 4.42	— 4.42	—21.8	
1976	— .79	— .79	— 7.9	
12. Syarikat Jengka (Kompleks Balak) (100%)				
1974	— 6.35	— 6.35	—18.2	
1975	— 7.45	7.45	—25.0	
1976	— 3.46	— 3.46	— 9.8	
13. KIMA Sdn. Bhd. (Kilang Kain) (70%)				
1974	3.86		33.8	
1975	— 1.42		— 0.1	
1976	— .69		— 3.7	

* Selepas Tolak Susutnilai

Sumber : R. Thillainathan, 'Public Enterprise Policy on Investment, Prices &
Rates of Return in Malaysia'.

Keduanya, PKEN mempunyai Lembaga Pengurusan yang kurang cekap. Selalunya Lembaga itu dianggotai oleh Menteri Besar sebagai Pengerusi, Setiausaha Negeri, Pensahit Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, tiga atau empat orang ahli Exco Negeri, dua atau tiga orang wakil dari Kerajaan Pusat, seorang wakil sektor swasta dan Pengurus Besar PKEN.

Dari senarai ahli yang menganggotai lembaga itu, kita dapat hanya sebilangan kecil saja dari mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam dunia perniagaan. Ahli-ahli yang lainnya bukan saja mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sedikit, malah mereka juga sibuk dengan kegiatan-kegiatan yang lain.

Oleh kerana kelemahan ini, Lembaga itu tidak akan dapat membuat penilaian objektif dan juga penelitian yang mendalam mengenai sesuatu lapuran ataupun cadangan. Tetapi keputusan mesti dibuat dan sekiranya Lembaga itu membuat keputusan yang salah, maka besar kemungkinan yang rancangan PKEN itu gagal.

Masalah ketiga yang dihadapi oleh PKEN ialah masalah rasuah. Boleh dikatakan kesemua syarikat awam, terutama syarikat awam yang mempunyai perbelanjaan besar menghadapi masalah ini.

Ini adalah kerana syarikat-syarikat awam mempunyai kebebasan yang tidak begitu terbatas dari segi membuat keputusan mengenai cara membelanjakan wangnya. Di samping itu, kawalan ke atas penggunaan wang adalah agak longgar.

Walaupun mereka dikehendaki mengemukakan lapuran tahunan mereka pada tiap-tiap tahun, tapi ini jarang dilakukan. Sebaliknya, mereka menghantar lapuran tahunan mereka 3 atau 4 tahun sekali. Kawalan di peringkat anak-anak syarikat PKEN adalah lebih longgar lagi. Malahan, mereka mempunyai kebebasan untuk menentukan gaji dan syarat kerja mereka sendiri.

Sebagai contoh, baru-baru ini, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang telah mendah bagaimana pengarah-pengarah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri mendapat elaun hingga \$200 untuk menghadiri sehari mesyuarat. Beliau kemudian membandingkannya dengan elaun sebanyak \$25 sehari yang diterima oleh ADUN apabila menghadiri sidang. Menurutnya lagi, pada hal, ahli-ahli Dewan Negeri merupakan orang-orang bertanggungjawab mengujudkan anak-anak syarikat atau perbadanan itu yang berakhir dengan 'anak makan daging tapi bapa hanya mampu makan ikan kering atau sambal belacan'.

Satu lagi contoh mengenai kurang pengawalan kewangan dalam PKEN dapat dipetik dari laporan tahunan PKENS yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan baru-baru ini. Mengikut laporan itu, sebanyak \$6000 telah dibayar-kan oleh PKENS kepada sebuah kelab sebagai perbelanjaan Pengurus Besar PKENS. Sebahagian besar dari perbelanjaan itu telah tidak disertai dengan resit!

Rasuah

Kajian itu juga menunjukkan bahawa masalah rasuah bukan saja berlaku di kalangan kakitangan PKEN saji. Ia juga berlaku di kalangan anggota Lembaga Pengurus. Sebagai contoh, Puthucheary berpendapat bahawa perlantikan Menteri Besar sebagai Pengerusi Lembaga Pengurus 'akan memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk menggunakan PKEN untuk mengumpul kekayaan untuk dirinya sendiri'.


Apa yang sedang berlaku di dalam setengah-setengah agensi kerajaan di negeri kita nampaknya adalah menuju ke arah apa yang berlaku kepada agensi kerajaan di beberapa negeri lain. Beberapa kajian mengenai perusahaan awam di Tanzania dan India, sebagai contoh, telah menunjukkan bahawa pihak pengurus dan juga ahli lembaga

pengarah perusahaan awam selalu-nya tidak mementingkan kejayaan perbadanan mereka.

Sebaliknya, apa yang diutama-kan oleh mereka ialah menggunakan perusahaan yang di bawah kuasa mereka untuk kepentingan diri mereka sendiri. Mereka pernah menggunakan berbagai-bagai cara—seperti menentukan gaji yang tinggi, berbagai-bagai jenis elaun yang besar dsb.—untuk menambahkan kekayaan mereka. Seterusnya, oleh kerana para pengurus dan ahli lembaga pengarah juga merupakan orang kuat parti pemerintah, mereka juga telah menggunakan perusahaan itu untuk kepentingan politik mereka (seperti dengan memberi pekerjaan di perusahaan berkenaan kepada penyokong-penyokong kuat mereka).

Sebagaimana dinyatakan di atas, wang yang dicurahkan kepada perusahaan awam adalah wang dari titik peluh rakyat. Oleh itu, kawalan yang ketat oleh rakyat sendiri harus dikuatkuaskan supaya segala kegiatan perusahaan awam benar-benar memberi faedah kepada rakyat dan bukan kepada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

Untuk mencapai hasrat ini, sekurang-kurangnya dicadangkan bahawa segala kegagalan yang telah dialami oleh beberapa perbadanan harus disiasat secara terperinci dan hasil penyiasatan itu harus diberitahu kepada rakyat. Rakyat berhak mengetahui apa yang telah berlaku ke atas beratus juta ringgit wang yang mereka telah sama-sama menyumbang. Di samping itu, hasil siasatan yang teliti mengenai kegagalan-kegagalan itu dapat juga menjadi pengajaran di masa akan datang.



KISAH PAHIT GULA N.S.

Jaseni

Dalam tahun lepas kita telah mendapat tahu bahawa kebanyakan Syarikat gula yang besar di negeri ini telah gagal. Ini termasuklah Syarikat Gula Perak di utara, Syarikat Gula Negeri Sembilan dan Syarikat Gula Johor di Selatan. Kesemua projek-projek ini melibatkan pelaburan yang besar, kawasan yang luas dan bilangan pekerja yang ramai.

Di Negeri Sembilan, 17 buah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan (PKENS) telah mengalami kerugian sebanyak \$55.7 juta sehingga akhir tahun lalu! Kerugian yang terbesar telah dialami oleh Syarikat Gula Negeri Sembilan.

Tetapi, jika kemungkinan yang asal itu benar-benar merupakan satu 'cereka' saja, kenapa-kah kerajaan negeri pada mula dulu bersetuju untuk meluluskan projek itu?

Setelah memakan belanja sebanyak \$110 juta dan mengalami kerugian sebanyak \$47 juta, Gula Negeri Sembilan ditutup. Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim mengakui bahawa kegagalan anak-anak Syarikat PKENS adalah disebabkan:

- a. persaingan yang sengit dari lain-lain pengeluar dan pengimpor
- b. kenaikan kos pengeluaran
- c. kekurangan tenaga pengurusan dan lain-lain tenaga mahir
- d. pergantungan yang berlebihan ke atas pinjaman yang bunganya adalah tinggi.

Apa yang agak menarik ialah hakikat bahawa kesemua kegagalan ini diakui hanya selepas Datuk Rais Yatim menggantikan Datuk Mansor sebagai Menteri Besar. Ramai orang mempercayai bahawa penggantian itu dibuat oleh kerana kejadian yang amat memalukan di mana seorang ahli perniagaan China telah membunuh diri dalam bilik air di rumah Datuk Mansor.

Setakat ini kita telah mengetahui mengenai kegagalan Syarikat Gula Negeri Sembilan dan beberapa anak Syarikat PKENS yang lain. Bagaimana pula dengan anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) di negeri-negeri lain?

Latar Belakang Syarikat Gula Negeri Sembilan

Syarikat Gula Negeri Sembilan telah ditubuhkan dalam tahun 1972

Bukankah baik jika kita dapat mempelajari dari kesalahan yang lepas dan memahami kenapa ia berlaku? Di samping itu dengan keputusan ini, orang yang tidak bertanggungjawab, yang telah menyebabkan kegagalan projek itu, akan lepas begitu saja.

sebagai satu usaha-sama di antara PKENS dan Phaltan Sugar Works dari India. PKENS telah mengambil sebanyak 78% dari saham syarikat itu, manakala Phaltan telah mengambil hanya sebanyak 13.5%. Yang bakinya telah diambil oleh MCIS dan Telapak Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW).

Phaltan Sugar Works telah menjalankan kajian kemungkinan (feasibility) dan penilaian projek itu dan telah juga menjadi pakar perunding pengurusan serta teknikal kepada projek itu. Kerajaan Negeri Sembilan, yang ketika itu dipimpin oleh Datuk Mansor, telah menerima lapuran itu dan telah mendapati projek itu menguntungkan. Projek ini kemudiannya dilancarkan dengan Datuk Mansor menjadi penegusi lembaga pengaruhnya.

Sejak syarikat itu memulakan pengeluaran dalam tahun 1975, ia telah mengalami kerugian yang teruk pada tiap-tiap tahun. Tetapi, nampaknya lembaga pengarah Gula Negeri Sembilan, PKENS dan Kerajaan Negeri Sembilan telah tidak mengambil apa-apa tindakan bermakna untuk mengatasinya. Hanya selepas pertukaran Menteri Besar berlaku, barulah satu penilaian dan kajian semula dari pihak yang bebas diadakan.

Cerita Mengikut Datuk Rais

Semasa mengumumkan kegagalan Syarikat Gula Negeri Sembilan, Datuk Rais telah mensifatkan kajian kemungkinan yang dijalankan oleh Phaltan Sugar Works sebagai satu 'cereka' (cerita rekaan). Menurutnya lagi, hasil kajian The Brokers

Agricultural Institute—satu badan yang telah ditugaskan oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk menilai semula projek itu—telah menunjukkan bahawa:

- a. tanah di kawasan ladang gula ini adalah tidak sesuai
- b. keadaan cuaca di kawasan itu juga tidak sesuai
- c. kepakaran pengurusan teknik kurang
- d. kepakaran pengurusan ladang juga kurang.

Tetapi, jika kajian kemungkinan yang asal itu benar-benar merupakan satu 'cereka' saja, kenapakah kerajaan negeri pada mula dulu bersetuju untuk meluluskan projek itu? Kenapakah hasil kajian itu tidak disemak semula terlebih dulu oleh pihak-pihak lain seperti Kementerian Pertanian ataupun Unit Perancangan Ekonomi?

Malahan, kenapa pula Bank Pertanian yang telah meluluskan pinjaman wang yang banyak kepada syarikat itu tidak menyemak secara lebih teliti lagi tentang lapuran kemungkinan asal itu? Tidakkah badan-badan kerajaan ini mempunyai tanggungjawab untuk menerangkan dan menasihati kerajaan-kerajaan negeri sebelum satu-satu projek yang menelan belanja besar itu dilaksanakan?

Di samping itu, sebagaimana yang telah berlaku dalam isu Pelabuhan Kuantan, pihak kerajaan nampaknya begitu cenderung sekali untuk menyerahkan kerja-kerja penilaian ke atas projek pembangunan yang besar-besar kepada perunding-perunding asing. Badan-badan kerajaan yang ada kena mengena dengan projek-projek tersebut hanya dapat memerhati sahaja kerana mereka



Datuk Mansur Othman.



Datuk Rais Yatim.

tidak mempunyai kuasa untuk berbuat sesuatu.

Cerita Mengikut Syarikat Phaltan

Pihak Syarikat Phaltan Sugar Works dari India juga mempunyai alasan-alasan sendiri untuk menerangkan kenapa Syarikat Gula Negeri Sembilan gagal. Menurutnya, kegagalan Gula Negeri Sembilan bukanlah disebabkan oleh kajian kemungkinan asalnya salah tetapi adalah lebih disebabkan oleh:

- a. kelambatan kerajaan Negeri Sembilan menjalankan rangangan penanaman tebu oleh petani-petani di kawasan itu untuk menentukan bekalan tebu yang cukup kepada kilang tebu itu. Menurut kajian asalnya, 50% daripada bekalan tebu ke kilang itu haruslah dihasilkan oleh petani-petani kecil di kawasan itu. Te-



Pekerja-pekerja memotong tebu.

Pekerja-pekerja bukan saja telah kehilangan pekerjaan; malah, 668 orang dari mereka telah terpaksa menunggu beberapa minggu sebelum mendapat gaji yang sepatutnya dibayar kepada mereka. Itupun hanya selepas para pekerja itu berpiket dan melancarkan mogok lapar.

tapi, rancangan penanaman tebu oleh petani-petani telah tertangguh selama empat tahun dan hanya dijalankan pada tahun 1979

- b. kekurangan buruh. Mengikutnya, syarikat gula Negeri Sembilan itu memerlukan lebih kurang 2,500 pekerja. Tetapi, bilangan pekerja, tidak pernah melebihi 1,000. Di samping itu, bilangan pekerja yang berhenti kerja juga adalah tinggi. Keadaan ini tidak mungkin berlaku sekiranya keadaan kerja di kilang itu memuaskan.
- c. kegagalan pengurusan perdagangan
- d. kegagalan pengurusan keseluruhannya.

Seterusnya, syarikat itu juga telah menyatakan bahawa banyak lagi cadangan lain dalam laporan kemungkinannya itu telah tidak dilaksanakan langsung ataupun tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh kerana kekurangan wang dan tenaga kerja.

Kesan Ke Atas Kaum Pekerja

Sementara pihak kerajaan negeri dan Syarikat Phaltan Sugar Works berbalah mengenai sebab-sebab kegagalan Syarikat Gula NS, para pekerja di syarikat itu telah menghadapi berbagai kesulitan. Mereka bukan saja telah kehilangan pekerjaan; malah, 668 orang dari mereka telah terpaksa menunggu beberapa minggu sebelum mendapat gaji yang sepatutnya dibayar kepada mereka. Itupun hanya selepas para pekerja itu berpiket dan melancarkan mogok lapar.

Rakyat Perlu Diberitahu

Datuk Rais telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri berpendapat adalah tidak perlu baginya untuk mengeluarkan satu kertas putih mengenai kegagalan Syarikat Gula NS. Orang ramai sungguh terperanjat dengan kenyataan ini dan mereka masih bertanya: kenapa tidak perlu?

Bukankah baik jika kita dapat mempelajari dari kesalahan yang lepas dan memahami kenapa ia berlaku? Di samping itu dengan keputusan ini, orang yang tidak bertanggungjawab, yang telah menyebabkan kegagalan projek itu, akan lepas begitu saja.

Ia juga dengan secara tidak langsung akan menggalakkan mereka yang tidak bertanggungjawab di lapangan lain untuk meneruskan kegiatan-kegiatan yang akan merugikan wang rakyat. Siapakah yang akan rugi akhirnya? Sudah tentu rakyat jelata dari mana kerajaan mendapat hasil untuk membiayai projek-projek yang membazir ini!

Kita juga harus ingat bahawa walaupun Syarikat Gula Negeri Sembilan mengalami kerugian tetapi ada juga pihak-pihak yang telah menikmati keuntungan. Oleh itu, kenyataan Datuk Rais bahawa kegagalan projek yang menelan belanja sebanyak \$110 juta merupakan satu peristiwa malang saja adalah sukar untuk diterima.

Orang ramai selalu mengharapkan pagar untuk menjaga padi kita. Tetapi, seperti pada masa yang lepas, nampaknya pagar telah memakan padi kita.



SELAMAT TAHUN BARU CINA



Bekas askar kerajaan yang menyebelahi gerila.

PERGOLAKAN TERBARU DI AFGHANISTAN

Hazim Amil

Tanda-tanda awal bagi pergolakan terbaru di Afghanistan bermula pada hari Jumaat, 14hb. September tahun lalu, apabila Presiden Noor Mohammad Taraki, pengasas Parti Khalq (Rakyat), yang berusia 62 tahun itu, cuba menumbangkan musuh utamanya, Perdana Menteri Hafizullah Amin.

Walaubagaimanapun, Amin telah terlebih dahulu melantik Mejar M. Tarun, seorang penyokongnya yang kuat, sebagai ketua pengawal keselamatan Taraki. Selain dari itu, Amin telahpun menguasai Parti Khalq serta pasukan polis.

Taraki Lawan Amin

Peristiwa tembak-menembak yang berlaku dalam Istana Rakyat itu dapat didengar oleh para penduduk Kabul. Pertentangan senjata tersebut dimenangi oleh penyokong-penyokong Amin. Taraki, yang baru sahaja pulang dari menghadiri Persidangan Negara-Negara

Berkecuali di Havana dan dari pertemuan dengan Presiden Brezhnev di Moscow, telah menemui maut, walaupun kematiannya hanya diumumkan pada 11hb. Oktober lalu.

Nama dan wajah Taraki cepat-cepat dipadamkan dari catitan dan rekod sejarah sedangkan Mejar. Tarun, yang juga terbunuh dalam peristiwa tersebut, telah diberikan penghormatan pengebumian negara dan diistiharkan sebagai seorang Pahlawan Revolusi.

Apa yang menimbulkan tanda-tanya ialah apakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak Soviet dalam krisis tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa segala tindakan dan langkah yang diambil oleh Amin di masa-masa lalu sentiasa di-dirundingkan dan mendapat persetujuan pihak Soviet.

Sewaktu Parti Khalq mengambil alih kuasa pada bulan April 1978, bekas guru yang berusia 52 tahun ini memainkan peranan sebagai orang tengah antara Parti Khalq

dengan pegawai-pegawai tentera darat dan udara yang melancarkan rampasan kuasa golongan kiri dan menggulingkan Presiden Sardar Mohammad Daud.

Pada bulan Mac tahun lalu, berikutan dari kegiatan-kegiatan anti-kerajaan yang dilancarkan di bahagian barat-daya bandar Herat, Amin mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Kemudian, pada bulan Julai, selepas ramai anggota-anggota tentera menyebelahi pihak pemberontak, Amin mengambil-alih pula jawatan Menteri Pertahanan. Sebagai Perdana Menteri, Amin Menguasai Aqsa, iaitu pasukan keselamatan sulit yang dibantu oleh Soviet dan Jerman Timur.

Walaupun kedudukan Amin dalam kerajaan dan parti begitu kukuh, tetapi tekanan melampau yang dikenakkannya terhadap lawan politiknya, menyebabkan Parti Khalq menghadapi tentangan yang hebat, dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pihak Soviet



Presiden Amin



Presiden Taraki

telah mengambil keputusan untuk menyingkirnya.

Untuk beberapa ketika dahulu, Taraki telah cuba mengadakan dialog dengan pihak pembangkang, dan beliau telah merancangkan agar segala cemuhan berkaitan dengan tindakan-tindakan penangkapan dan pembunuhan oleh Aqsa ditimpakan pada Amin.

Anihnya, ketua Aqsa, Asadallah, yang mempunyai hubungan rapat dengan Taraki, juga mesti terbunuh dalam peristiwa 14hb. September itu. Sungguhpun dasar baru yang diperkenalkan oleh Taraki telah mendapat restu dari pihak Soviet, akhir-akhirnya Taraki tidak berupaya juga melindungi dirinya dari pengawal-pengawal keselamatan Amin.

Sokongan Soviet

Petunjuk yang paling jelas bahawa Taraki mendapat sokongan kuat dari Russia ialah sambutan meriah yang diterimanya sewaktu sinaqah di Moscow dan upacara menghantarnya pulang oleh pemimpin-pemimpin Soviet. Biasanya, pihak Soviet jarang sekali memperlihatkan sokongannya jika mereka telah mengetahui bahawa orang berkenaan akan digulingkan.

Apabila kejatuhan Taraki diumumkan pada 16hb. September, pihak berkuasa Soviet telah menunjukkan rasa terkejut mereka. Seorang wartawan Soviet mengulas: 'Tidak ada sesiapapun yang telah menjangka bahawa perkara ini akan berlaku; seperti yang mungkin anda telah tahu, orang di Tass biasanya diberitahu terlebih dahulu mengenai hal-hal seperti ini.'

Perdana Menteri Soviet, Aleksei Kosygin pula tidak singgah di Kabul dalam perjalannya pulang dari lawatan ke India beberapa waktu selepas berlakunya pertempuran di Istana Rakyat. Ini boleh di tafsirkan sebagai tanda tidak bersetujuan pihak Soviet.

Walaubagaimanapun, Pihak Moscow terpaksa juga mengiktiraf Amin, dan seterusnya telah memberikan bantuan politik dan ketenteraan menentang serangan-serangan bersenjata yang sekian harinya begitu membahayakan kerajaan Parti Khalq. Dalam negeri tersebut, sebelum penghujung bulan Disember, sudah terdapat beberapa ribu orang penasihat tentera Russia.

Banyak penerbangan yang dibuat oleh angkatan udara melibatkan juruterbang-juruterbang Russia; dan terdapat seramai 5,000 orang

pegawai awam Russia bertugas di kementerian-kementerian terpentingnya.

Sejak Presiden Amerika Syarikat, Dwight D. Eisenhower, enggan membantu Kabul pada tahun-tahun 1950an, pihak Soviet telah menjadi sumber bantuan ekonomi dan ketenteraan yang terpenting, dan kini, Soviet telah menjanjikan kewangan sebanyak lebih dari 2 billion ringgit bagi membiayai Rancangan Lima Tahunnya yang dirancangkan bermula tahun lalu.

Kerana bersempadan dengan Uni Soviet, dasarnya terhadap Afghanistan merupakan suatu ujian penting bagi dasar luar Soviet terhadap rejim-rejim yang dianggap sebagai penyokongnya revolusionir. Pada penghujung tahun 1979, walaupun tidak semestinya atas kehendaknya sendiri, mereka telah terjerumus begitu dalam jika dibandingkan dengan negeri-negeri Dunia Ketiga yang lain.

Hal ini tidaklah sentiasa demikian. Walaupun agensi berita Barat, dan tokoh-tokoh seperti Henry Kissinger dan Zbigniew Brzezinski yang sentiasa melancarkan perang dingin, menuduh bahawa pihak Soviet menjadi dalang dalam rampasan kuasa Parti Khalq pada bulan April 1978 dahulu, tidaklah terdapat sebarang bukti yang menunjukkan demikian.

Orang yang telah mengakibatkan kekacauan itu sebenarnya ialah Shah Iran, menerusi pegawai-pegawai SAVAKnya. Baginda telah cuba menggunakan pengaruh ekonomi dan ketenteraan Iran mendesak kerajaan Mohammad Daud condong ke kanan. Percubaan yang dilakukan oleh Daud untuk menghancurkan Parti Khalq dan sekutu-sekutunya menyebabkan parti tersebut

Sejak Presiden Amerika Syarikat, Dwight D. Eisenhower, enggan membantu Kabul pada tahun-tahun 1950an, pihak Soviet telah menjadi sumber bantuan ekonomi dan ketenteraan yang terpenting.

BABRAK KARMAL: PATUNG SOVIET?

(Terjemahan 'Return of A Phantom' dari ASIAWEEK, 11 Januari 1980)

Bagi Babrak Kamal yang berusia 50 tahun, kejayaannya menguasai tumpuk pemerintahan Afghanistan pada hujung tahun sudah bukanlah suatu kebetulan yang dirancangkan oleh Soviet, tetapi adalah merupakan hasil dari perjuangan politiknya yang panjang. Sejak bermulanya kegiatan kiri di negeri tersebut, beliau merupakan seorang pemimpin golongan tersebut yang penting.

Beliau mula melahirkan garis perjuangannya selepas beliau menganggotai sidang pengarang sebuah penerbitan risalah bawah-tanah bernama *Parcham*. (Bendera). Pada pertengahan tahun-tahun 1960an, beliau telah menjadi pengarangnya dan mula menubuhkan kumpulan-kumpulan kecil penuntut dan belia yang menganut fahaman kiri di sekitar Kabul. Pada tahun 1967, beliau telah menubuhkan partinya sendiri yang dinamakan 'menurut nama risalahnya itu.'

lebih lagi berkuasa dari yang dijangkakan oleh pemimpin-pemimpinnya sendiri.

Parti Khalq

Parti Khalq ialah sebuah parti kecil yang dianggotai oleh beberapa ribu golongan terpelajar di kawasan bandar. Sungguhpun demikian, parti ini dengan pengikut-pengikutnya cuba mengatasi masalah rumit yang telah sekian lama dihadapi oleh negeri tersebut di mana 90% kaum lelakinya dan 98% kaum wanitanya buta huruf, di mana pendapatan purata seorang pada tahun 1975 ialah sebanyak 330 ringgit setahun dan di mana umur kematian purata penduduknya adalah hanya 35 tahun.

Parti Khalq telah membatalkan hutang-hutang yang ditanggung oleh para petani yang patut kepada tuan-tuan tanah; mereka

Apabila meletus revolusi yang mengakibatkan pembunuhan Jen. Mohammed Daud Khan dan keluar-ganya dua tahun dahulu, tumpuk pemerintahan dipegang oleh Parti *Khalq* (Rakyat) yang dipimpin oleh Nur Mohammed Taraki dan Hafizullah Amin. Karmal dengan tegasknya telah menolak cadangan mereka untuk menubuhkan suatu perikatan golongan kiri yang luas.

Apabila golongan *Khalq* berkuasa, walaupun buat sementara waktu beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, ramai ahli partinya, *Parcham*, telah dibunuh atau disumbatkan ke dalam penjara. Itulah harga yang telah dibayarnya dahulu.

Dengan bijaknya, kini, Karmal telah melantik tiga orang ahli *Khalq* menganggotai Kabinetnya, tetapi orang-orang ini sebenarnya adalah kumpulan yang dimusuhi

oleh Taraki. Brigadier-Jeneral (Uda-ra) Abul Kader adalah orang yang merancangkan rampasan kuasa yang telah menamatkan rejim Daud, yang kemudiannya dilantik menjadi Menteri Pertahanan, telah disumbat ke dalam penjara oleh Taraki dengan tuduhan cuba menjatuhkan-

Kolonel Sherjan Mazdooryar dan Aslam Watanyar yang pernah dilantik oleh Taraki sebagai Menteri-Menteri Kanan dalam Kabinetnya kemudiannya telah dilapurkan terbunuh dalam peristiwa tembak-menembak di istana yang telah meletakkan Amin sebagai orang yang berkuasa pada bulan September tahun lalu. Selain ketiga-tiga mereka tersebut, menteri-menteri dalam Kabinet Karmal terdiri dari ahli-ahli *Parcham* yang merupakan pecahan dari Parti Demokrat Rakyat.

NII

Orang yang telah mengakibatkan kekacauan itu sebenarnya ialah Shah Iran, menerusi pegawai-pegawai SAVAKnya.

mengadakan kempen-kempen untuk menghapuskan buta huruf, membina 600 buah sekolah, menamatkan amalan berkahwin muda dan menurunkan maskahwin kepada kurang dari 20 ringgit.

Mereka memulihkan kembali hak-hak kebudayaan dan pelajaran bagi golongan-golongan minoriti Turkoman, Uzbek, Baluchi dan Nuristani. Pada bulan Disember 1978, mereka melancarkan reform tanah yang pertama kali dalam sejarah Afghanistan. Seramai lebih kurang 300,000 keluarga diberikan tanah seluas antara 6 hingga 60 hectares, menurut kualiti tanah; puratanya ialah 10.2 hectares tiap-tiap keluarga.

Mengapa Dasar Baru Gagal?

Selama beberapa bulan permulaan tidak terdapat banyak tentang terhadap kerajaan baru ini. Terdapat pula tanda-tanda yang menunjukkan bahawa dasar-dasar baru ini disambut dengan baik di bandar dan desa. Tetapi, cara dasar baru ini dilaksanakan telah menyelewengkan tujuan sebalik dasar baru.

Sebenarnya, para petani bukan sahaja berhutang kepada tuan-tuan tanah, tetapi juga dengan peniaga-peniaga kecil dan peminjam-peminjam wang, dan hutang-hutang ini tidak pun dimansuhkan. Tuan-tuan tanah, yang hanya sebahagian kecil

merupakan pemilik-pemilik tanah yang luas, juga merupakan pembekal benih-benih tanaman, air dan lain-lain kepada para petani, dan pihak kerajaan pula belum berupaya mengambil-alih untuk memberi perkhidmatan ini, walaupun pihak kerajaan telah berusaha menyediakan pusat-pusat bekalan pertanian dan 1,600 buah jentera pembajak.

Reform tanah dan kawalan-kawalan yang dikenakan oleh pihak kerajaan telah mencetuskan tentangan oleh golongan tuan tanah, ketua-ketua suku di beberapa bahagian negeri itu, dan oleh beberapa puak di bahagian selatan dan timur yang kini telah disekat dan menjalankan perniagaan barang-barang yang diseludupkan dari Pakistan.

Kesilapan Demi Kesilapan

Pada awal tahun 1979, sewaktu reform ini mula mencapai sedikit kejayaan, pihak kerajaan dan pembantu-pembantu Sovietnya telah melakukan suatu kesilapan yang besar. Kerajaan baru patut berjaga-jaga, memandangkan kedudukan Parti Khalq, yang tidak begitu kuat, dan penentangan biasa oleh rakyat desa terhadap segala jenis penglibatan kerajaan pusat.

Pihak pemerintah tidak pun mengambil langkah-langkah yang bijak untuk mengatasi masalah-masalah ini, malah bertindak terlalu keras kerana tentang itu dianggap sebagai 'kuasa-kuasa yang menentang kemajuan revolusi'.

Hal ini membawa kepada tindakan menyerang kawasan-kawasan perkampungan di mana terdapat tentang-tentangan terhadap reform, ataupun di mana dipercayai terdapat tentang. Tindakannya menge bom kawasan-kawasan tersebut menyebabkan dengan pantasnya rejim tersebut terasing dari sebahagian besar rakyat di kawasan pendalam.

Kesannya ialah pemberontakan, yang mula dilancarkan oleh suku Kunar dan Pakhtia di sempadan

Pakistan pada bulan Mac dan April tahun lalu—yang pernah memerlukan sokongan askar Pakistan—telah merebak ke seluruh kawasan luarbandar pada pertengahan musim panas 1979 di Afghanistan.



Tentera Soviet mengawal bandar Kabul.

Strategi rejim ini, yang sama-sama dirancang dengan pihak Soviet, mengandungi tiga taktik utama: Pertama, kegunaan kekuatan angkatan udara untuk menghancurkan penentang-penentang di kawasan luarbandar. Kedua, merosakkan tanam-tanaman di kawasan luarbandar dengan tujuan supaya pemberontak-pemberontak yang kebuluran itu akan menyerah diri ataupun melarikan diri ke Pakistan.

Ketiga, memupuk persefahaman dengan golongan pembangkang di Pakistan kerana kerajaan di Kabul menjangkakan bahawa pihak ini akan memenangi pilihanraya yang pernah dijanjikan oleh kerajaan Zia,

dan dengan demikian akan dapat menghancurkan sokongan bagi para pemberontakan.

Kini, telah diketahui bahawa pilihanraya tidak akan diadakan di Pakistan. Sebaliknya, kerajaan Zia memberikan bantuan kepada pejuang-pejuang Islam di Afghanistan dengan tujuan untuk menawan hati umat Islam di Pakistan sendiri.

Tindakan merosakkan tanam-tanaman itu telah membawa kesan yang buruk di mana Afghanistan sendiri menghadapi keadaan kebuluran kerana kekurangan 1.4 juta tan gandum, yang tidak berupaya dibantu oleh Soviet kerana ia sendiripun menghadapi masalah kekurangan bahan tersebut, terutama sekali setelah bekalan dari Amerika Syarikat disekat oleh Presiden Carter baru-baru ini.

Kekerasan

Serangan tentera di luarbandar telah memperluaskan tentang di kawasan-kawasan bandar kerana apabila sesuatu kampung diserang, penduduk bandar yang berasal dari situ juga merasa dendam dan benci kepada pemerintah.

Pemerintah telah menggunakan kekerasan melalui tenteranya, polis sulit (Aqsa) dan polis tenteranya (Sarandoy) untuk menangkap sesiapa yang berasal dari kawasan yang terlibat dalam pertempuran. Mungkin mereka tidak ada kaitan dengan apa yang berlaku, tetapi penangkapan tetap dilakukan.

Suatu penangkapan besar-besaran telah dilancarkan terhadap orang anggota perkhidmatan awam dan tentera. Beribu-ribu pula telah ditahan dan ratusan pula telah dihukum mati tanpa bicara. Di samping itu, berpuluhan ribu rakyat di luarbandar telah terkorban.

Cetusan tentang pertama di kawasan bandar secara besar-besaran telah berlaku di Herat pada lewat bulan Mac di mana golongan wanita buta huruf di suatu kawasan

tidak mahu menyertai kelas dewasa. Justru itu, askar Afghan telah diarahkan menembak kawasan bandar tersebut.

Peristiwa ini telah berlaku di kawasan di mana terdapatnya keluarga-keluarga askar yang terlibat. Mereka telah memberontak dan berpaling terhadap penasihat-penasihat tentera Soviet yang tinggal di bandar tersebut. Jumlah kematian tidak diketahui, tetapi ramai juga askar Soviet telah terkorban di dalam peristiwa ini.

Pada bulan Jun, kaum minoriti Hazara telah menunjuk perasaan di Kabul; pada bulan Ogos, golongan dari unit Komando 444 telah memberontak di Kota Bala Hissar setelah anggota-anggota Sarandoy cuba melancarkan penangkapan di kawangan kaum tersebut. (Sebahagian besar penangkapan tersebut ditujukan kepada ahli-ahli Parti Khalq sendiri!). Akhirnya, kedua-dua pemberontakan tersebut telah dipatahkan dengan kejam.

Parti Khalq telah membatalkan hutang-hutang yang ditanggung oleh para petani yang patut kepada tuan-tuan tanah; mereka mengadakan kempen-kempen untuk menghapuskan buta huruf, membina 600 buah sekolah, menamatkan amalan berkahwin muda dan menurunkan maskahwin kepada kurang dari 20 ringgit.

Sebagai tindakbalas, pemberontak telah mengistiharkan bahawa mereka akan membunuh semua anggota Parti Khalq serta pegawai kerajaan yang dapat ditangkap. Ramai anggota angkatan tentera dan pentadbiran awam telah menyebelahi pihak pemberontak sejak bulan Jun 1979.

Dengan itu, sebahagian besar daripada 80,000 askar serta 8,000 pegawai-nya telah lumpuh dan pihak pemerintah terpaksa mengharapkan tentera udara yang dipandu oleh pilot Soviet dan kepada tentera relawan (militia) baru yang kononnya melebihi 70,000 orang.

Tentera relawan baru ini terdiri dari golongan muda yang terpaksa berkhidmat dengan pemerintah. Golongan ini mengetahui bahawa nyawa mereka bergantung kepada sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pihak pemerintah!

Kuasa Luar

Kuasa-kuasa luar memang terlibat dalam keadaan yang kucar-kacir ini. Tetapi ini tidak semestinya bermaksud bahawa mereka bertanggungjawab atas segala yang berlaku. Pemerintah Pakistan telah menerima lebih dari 200,000 orang pelarian dan memberi bantuan tentera serta kewangan kepada para pemberontak.

Negeri China juga dipercayai melengkapkan senjata serta melatih para pemberontak melalui Pakistan. Perkembangan-perkembangan seperti ini telah menggalakkan pihak Soviet bertindak yang keterlaluan.

Negeri Iran pula telah memberi sokongan semangat dan material kepada para pemberontak Shi'ia (20% penduduk Afghan terdiri dari kaum Shi'ia). Negara Kuwait dan Arab Saudi juga memberi bantuan kewangan.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa CIA dari Amerika Syarikat sentiasa mengikuti perkembangan di Afghanistan. Tetapi oleh kerana sudah ramai negeri lain yang terlibat, mereka tidak perlu menyertai pergiolakan tersebut dan boleh merhati pihak lain, terutama sekali pemerintah Soviet, menjeratkan diri mereka di Afghanistan.

Pemberontak-pemberontak pula berpecah-belah dan lebih kurang enam puluh golongan terdapat. Mereka belum berjaya menyelaraskan kegiatan mereka. Maka, tindakan mereka tidak begitu berkesan.

Akar umbi pemberontakan mereka adalah ketidakpuasan hati terhadap kawalan yang dikenakan oleh pemerintah terhadap golongan-golongan tertentu. Golongan-golongan yang menentang hebat adalah golongan yang merasai cara hidup mereka yang terancam sekali.

Pemerintahan Amin

Selepas penyingkir Taraki, Amin telah mengambil berbagai-bagi tindakan yang tegas untuk memisahkan dirinya dari dasar-dasar dahulu. Dia telah mengecam berbagai-bagi jawatankuasa untuk menyediakan suatu perlombagaan dan membebaskan beberapa orang tahanan. Aqsa telah digantikan dengan badan polis sulit baru, yang diketuai oleh seorang saudara mara Amin.

Tindakan seperti ini merupakan tipu helah belaka dan golongan pemberontak serta golongan Parti Khalq yang menyokong Taraki tidak akan memaafkan Amin. Pidato-pidato Amin pula makin merupakan khayalan.

Amin lebih kerap menganggap Afghanistan sebuah negeri yang mempunyai 90% petani—sebagai ‘Negara pekerja’. Seterusnya, ia mengakui diri sebagai ‘Panglima Berani Revolusi April’ dan sebagainya.

Perkembangan-perkembangan ini telah membimbingkan pihak Soviet yang menganggap dirinya sebagai penaung rejim Afghan. Pada penghujung bulan Disember 1979, perkembangan-perkembangan ini telah membawa kepada penglibatan tentera Soviet secara besar-besaran dalam suatu pertempuran luar buat kali pertama sejak Perang Saudara Espanyol pada tahun tiga puluhan.

(Penglibatan tentera Soviet di Hungary (1956) dan Czechoslovakia (1968) tidak pernah menghadapi tentangan yang begitu hebat dari rakyat tempatan, manakala penglibatan di Korea pada awal tahun lima puluhan telah menghadapi pihak Amerika Syarikat.)

Walaupun pihak Soviet tidak ingin mencampur tangan kalau dapat dielakkan, pucuk pimpinannya yakin bahawa tindakan demikian

yang mengalami kecederaan teruk tidak akan mengakibatkan tentang-an tempatan yang begitu hebat seperti di Amerika Syarikat pada penghujung tahun enam puluhan.

Pada pandangan sempit mereka, pertempuran di Afghanistan dibabkan oleh 'penglibatan pihak luar' dan 'kegiatan menentang revolu-si'. Tetapi, seperti pernah dikatakan oleh seorang rakyat Afghan: 'Jika revolusi kami ditewaskan, ini

akan desebabkan oleh kelemahan serta kesilapan kami dan bukan oleh kekuatan pihak musuh'.

Kebanyakan harapan kebangkit-an April 1978 telah hancur dengan perkembangan dalam sembilan bulan kebelakangan ini. Pergantungan kepada pihak Soviet tidak akan dapat menyelamatkan cita-cita suci rakyat Afghan.

NI

HUNGARY 1956, CZECHOSLOVAKIA 1968, AFGHANISTAN 1980

Hazim Amil

Serangan Soviet terhadap negeri jirannya yang ketiga bermula dengan penerbangan pesawat besar Antonov-22, iaitu sebuah pesawat pengangkutan tentera. Ini diikuti oleh penerbangan sekumpulan pe-sawat Tupolev-154 dan Ilyushin -62. Dalam masa yang sama itu, beberapa kumpulan jentera berat, kereta kebal T-72, pelancar roket dan meriam bergerak merentas kawasan yang berbukit-bukau di sempadan Soviet-Afghanistan.

Dalam masa dua hari sahaja, seramai lebih kurang 10,000 orang tentera Soviet telah berhimpun di Kabul dan tempat-tempat tertentu di sempadan itu. Menurut lapuran Amerika Syarikat, beberapa hari kemudiannya, bilangan itu bertambah kepada 40,000 orang.

Mereka ke sana untuk menyo-kong sekumpulan orang Afghani-stan yang terlebih dahulu telah mengepung istana presiden, me-nangkap Presiden Hafizullah Amin dan beberapa orang ahli Kabinet-nya, dan membunuh mereka dengan tergesa-gesa. Hanya tiga bu-lan selepas Amin mengambil alih kuasa, berikutnya dari rampasan ku-a-sa yang dilancarkannya sendiri, Afghanistan sekali lagi mempunyai ketua negara yang baru: Babrak Karmal.

Ini ialah rampasan kuasa yang keempat di Afghanistan sejak Raja Zahir Shah digulingkan pada bulan Julai 1973—dan kali yang ketiga sejak kumpulan yang berkiblatkan Moscow merampas kuasa pada bulan April 1978. Sejak dari mulanya lagi, golongan itu menghadapi masalah. Golongan orang Islam yang militan telah melancarkan perang gerila yang mendapat sokongan yang meluas, sementara di dalam negeri sendiri, persaingan dan pertantang-an antara kumpulan Khalq dan Par-cham telah menggugat pimpinan negara.

Moscow, yang berlagak sebagai penaung, tidak begitu senang dengan kedua-dua masalah tersebut. (Suatu persoalan hangat yang telah timbul ialah: adakah Soviet meng-anggap Afghanistan begitu penting hingga ia sanggup mengambil ri-siko untuk mengambil tindakan ke-tenteraan secara langsung?).

Jawapannya telah pun nampak dengan jelas dan lantang beberapa minggu yang lalu. Dengan tiba-tiba sahaja, Babrak Karmal telah terkena di dalam dan luar negeri sebagai orang harapan Soviet. Beliau telah begitu lama bermastautin di Cze-choslovakia sebagai seorang duta, dan dipercayai bahawa pada masa rampasan kuasa itu, beliau masih lagi berada di sana kerana beliau ti-dak-pun muncul di khalayak sebagai

ketua negara yang baru. Setakat ini, hubungannya dengan rakyat hanya-lah melalui siaran radio.

Sungguhpun demikian, Karmal bukanlah seorang *orang harapan* yang tidak dikenali. Beliau adalah seorang pemimpin terkemuka yang telah mengasaskan Parti Parcham. Kalangan politik yang rapat dengan hal-ehwal Afghanistan berpendapat bahawa manifesto yang telah di-gubal rapi oleh Karmal dengan peng-libatan Soviet sepenuhnya, kini boleh memperkuuhkan kedudukan baru di Afghanistan.

Kerajaan baru telah pun membe-baskan beribu-ribu tapol (dikatakan bahawa kebanyakan mereka telah dipenjarakan oleh rejim mendiang Hafizullah Amin). Beberapa lang-kah lain untuk mengambil hati penentang rejim Amin sedang dia-lankan sementara tentera Soviet cuba memperkuatkan kedudukan ketenteraan rejim baru dengan tin-dakan-tindakan keras terhadap gerila-gerila Afghanistan yang masih belum dapat bersatu-padu kerana kumpulan masing-masing ingin memimpin.

(Soalan yang timbul sekarang tentang serangan Soviet yang begitu ketara ini ialah sarnada Soviet pula akan menemui kekalahan di Afghani-stan seperti Amerika Syarikat di Vietnam lima tahun lepas).

NI

WAJIH NAHLE: THE NEW ISLAMIC WAVE IN ART?

Wajih Nahle, a present-day Islamic painter was born in 1932 in Lebanon. Although his works were very much influenced by the west in his earlier life, his art-form has slowly evolved into one which reflects a great sense of Muslim history and culture. Wajih Nahle's works were exhibited in Muzium Negara and Regent Hotel between 7th and 22nd December 1979. Nadi Insan took the opportunity to have an interview with him.

NI : Your art seems to reflect your environment and thinking. Could you tell us more about your work?

WN : This exhibit is the first exhibition of Islamic art in this part of Asia. I am very happy to have it here in Kuala Lumpur because the people here are religious—Islamic—maybe more so than in the Middle East. I hope I will be able to influence some Malaysian artists in Islamic traditional art. Many of your artists are very good but they are trained in western schools. So they do not develop a traditional Malaysian art. We are just beginning to explore the rich traditions of Islamic religious art.

Form and Content

NI : What is the relationship between the form you have chosen and the content? Can you say that the content is religious?

WN : Yes, the calligraphy is from the Koran but I put it in modern composition. I use new colour, new materials.

NI : What kind of support and interest is there in the Middle East for your work?

WN : Now they say: Wajih Nahle—what he does is good. But it was a long struggle to be appreciated. People still want to pay more for art from Paris, for example.

Now, you have many excellent artists in Malaysia. I would like to get together all the Muslim artists from all over the world to create something beautiful in Islamic art.

Batik

NI : What do you think of our Malaysian batik artists?

WN : Very, very beautiful. But in my opinion they should make the designs more simple. They are too complicated. Why do you need all this?

NI : So you don't think that there is beauty in its complexity?

WN : Yes. I tried to find a simple piece yesterday—at a batik show—but I couldn't.




Painting: Wajih Nahle

Lebanon


NI : Coming back to your art, how do you feel the Lebanese crisis has affected your art?

WN : Sure. I show this in my exhibition. You can see the explosion in the colours because I was watching the war from my house which is situated on top of a hill in Beirut. It was relatively quiet but I could see all the fighting taking place.

You can see the movement in the pieces. I can't fight. I can't shoot. My weapon is my brush. I didn't go out of my studio for two years. 5 months each in '66 and '67, and 7 months each in '75 and '77. It was like a prison.



Arabesque



The Name of Allah

Palestine

NI : *What about Palestine? Has Palestine affected you?*

WN : Sure. It's our problem. As a Lebanese I can identify with the Palestinians. Palestine is a problem of all the Arab countries, especially Lebanon. For Palestine, we destroy our country and Lebanon. Inside I am Muslim and Arab.

I have held exhibitions for them many times. I went to Europe, to Czechoslovakia, to Sofia, making exhibitions for the Palestinian artists. I prepared the exhibition myself. I am now in the committee of the Union of Arab Artists. On the committee, I am the spokesman.

Turrah

Now I don't have much time. I was also the President of the Lebanese artists. I spent all my time for this artists movement in the Arab world, but now I spend it on my art. It is good to be an international artist. I'd like to form an association of Islamic artists in the world. I would like to do this now because this is our century—the fifteenth century—and to show the world what we are.

Money

We have much wealth but the petroleum millions go to the 'no-good' things—to lose it in Europe—in the casinos, and on women. If the Islamic governments, especially Saudi Arabia, protect the artists and they give them encouragement and help, I'm sure they will improve.

Maybe I am the only artist in the Arab world, in all the Islamic countries, who is very rich. I don't need money. I can do it myself. Why? Because I have enough money to live on. So I spend all day on my art. But if I spend all day teaching in university or in the school to teach children, to earn money to live, I can't do art. I can't do anything. I need all my time for my creation.

If I have to spend my time to find money to live, I can't do real art. But if there is an Islamic country, especially the petroleum countries, to give a hand for the Islamic artists. If each artist could go there and be given two or three thousand dollars to live well, but every one will be required to exhibit every year.

Then the artists can be in the studio all day, to think more deeply, without any problems. When he works, he forgets all the material things, problems of money. Then he can do well. Then can find himself and make new art. But I cannot do this. Tell me this. Even the rich men here, they do not understand this.

Iran

NI : *Will Iran change things, for you and Islamic art?*

WN : You mean Iranian artists?

NI : *No, I mean what is happening in Iran.*



(A blonde Arab woman comes in and says, 'The wife of the Defence Minister just came in. She said: I just saw the exhibition.'

WN : Why don't they tell me? There are three girls there. They don't know anything! Stupid!

Iran, I think is the big explosion for the Islamic people now. It's a very, very big thing. I hope this man will lead them in the right direction. It will be solid. He put his face in front of Carter. The hostages: you can't imagine Europe or the United States. It shocked them.

NI : So will you express what is happening in Iran in your future work?

WN : Just now, this thing in Iran is not too clear to me. The situation is not complete yet. I mean the end. I want to see what will happen. Then I will begin to create, to feel more. Now it is still going on. We need time.



Abstract Art

NI : In your art, you moved into abstract forms. Why the change?

WN : Yes, I'll tell you. You know what's the meaning of abstract? The abstract is to find the truth, the rules. I give you an example. If you want to paint a bird, first you draw the details, the eyes, etc. But there is no movement. I don't do this. I want to get the essence of all living things. This is relationship between the material and the spiritual.

I am trying to show the new Islamic art. I would like to find a group of followers in the Islamic countries. There are 51 in the Arab countries but in Asia there is only one from Pakistan. Maybe it'll take years....

Ayat el Ekhlass



Mysterious Whispering

Beirut

This happened in Beirut. We have a coffee-shop there where many artists from the Arab countries and Lebanon go, including the president of the artists association. One day I had an exhibition and so I sent someone to put a poster in this coffee-shop. The owner of this coffee-shop said: 'Who is this person? I don't know him.' So I said I'll go myself.

I don't go there because I have no time to go! When I went I saw my friends and they said: 'Hello Wahje, why did you come here?' I said: 'Because I want to put up my poster.' Then the owner of the coffee-shop said: 'Excuse me. I didn't know you before because you haven't come here before.'

I am so busy in my studio. I have a message in my life now.

If you read in this book, they say I am a prophet with a great message. But I am not a prophet. Maybe I am an artist. Now I am trying to find my way. I am at the beginning of this art, the first...

I love it here. I like the people here. They are so kind, very simple, not like Europe. I feel like I've known the people here a long time. I would like to live here. I will return here at least 2 months out of every year. I have a house in America and in Paris but I want to build one here. I am starting to plan the house now. It will be based on local architecture and I will try to build something beautiful.

NI

REVOLUSI DI IRAN

Eqbal Ahmad

(BAHAGIAN KEDUA)

Islam Di Pihak Pembangkang

Tekanan terhadap pihak peniaga bersama kelemahan fiudalisme sejak tahun 60an telah mengurangkan sejumlah besar sumber kewangan alim ulamak. Tambahan pula, penggantian institusi-institusi keugamaan dengan sistem pelajaran sekular, sistem mahkamah, dan lain-lain, yang dilakukan oleh Shah, di samping kawalan birokratik yang lebih ketat atas agama telah menjadi punca kemarahan alim ualmak terhadap ciri-ciri politik, ekonomi dan kebudayaan rejim Shah.

Walau bagaimanapun kita perlu membezakan beberapa golongan ugama bagi memahami pergerakan masakini. Sejarah Iran tidak kurang dengan pemimpin-pemimpin ugama dalam masyarakat fiudal yang menggalakkan kaum alim ulamak berkerjasama dengan rejim berkenaan.

Walau bagaimanapun, sejak Revolusi Putih, alim ulamak yang lebih progressif telah dapat memimpin pergerakan ugama tersebut; boleh dikatakan bahawa kepercayaan mereka ini lebih mendekati asas Islam, iaitu penglibatan dalam perjuangan untuk keadilan sosial.

Tafsiran yang lebih radikal dalam golongan Syaiah—terutamanya yang rapat dengan Allahyarham Ali Shariati, yang telah dibunuh oleh pihak SAVAK pada tahun 1978—mencari penyelesaian revolusioner yang bertujuan untuk menghapuskan kelas pemerintah, termasuk alim ulama yang konservatif. Pergerakan yang baru muncul ini

mendapat sambutan yang kuat dari kelas menengah bawahan, terutama sekali pelajar-pelajar dan alim ulama tingkat bawah.

Walaupun pertubuhan kaum pekerja telah ditindas sepenuhnya dalam dua dasawarsa yang lepas, rejim Shah tidak dapat menyekat penentangan politik yang dijalankan di masjid-masjid di kampung-kampung dan bandar-bandar di seluruh negeri Iran. Seterusnya, penghijrahan penduduk luarbandar, yang mempunyai latar belakang keugamaan, dan juga ketiadaan cara lain untuk memprotes, telah menambahkan lagi peranan politik alim ulama.

Islam yang berakar umbi dalam kebudayaan penentangan politik, telah menjadi saluran bantahan yang popular; ianya mendapat sokongan berdasarkan kepada konflik-konflik sosial yang merupakan akibat dari proses pembangunan kapitalis di Iran.

Rakyat Iran Membangun

Rejim Shah yang bersifat kuku besi dan keras telah menyebabkan berbagai kumpulan penentang memasuki pergerakan revolusi sehingga Revolusi Iran melibatkan berbagai kelas: keseluruhan golongan alim ulama dan peniaga, pekerja-pekerja, penduduk-penduduk miskin di bandar, burjuis nasionalis, sebahagian besar birokrasi bawahan, orang-orang iktisas (profesional), kelas menengah lain serta pelajar-pelajar.

Sebenarnya, golongan pelajar-pelajar dan orang-orang iktisas kelas



Penyokong-penyokong Shariat—
Madari menentang Khomeini

menengahlah yang betul-betul menggerakkan revolusi daripada akhir tahun 1977. Pelajar-pelajar —yang berorientasikan ugama dan juga yang berpelajaran sekular—terutamanya telah menjadi tenaga politik yang berani sejak tahun-tahun 50an lagi. Mereka menjadi bahagian penting pada peringkat genting revolusi dan menambahkan bilangan anggota kumpulan gerila.

Walaupun demonstrasi besar di jalanraya keseluruhannya diatur dan dibiayai oleh pihak peniaga dan tenaga burjuis nasionalis, tetapi usaha kelas pekerja di kilang-kilanglah—terutamanya pekerja-pekerja minyak—yang betul-betul telah melumpuhkan nyawa rejim Shah itu.

Kurang dari 0.5% dari jumlah tenaga pekerja terdapat dalam perusahaan minyak, yang menyumbangkan 95% dari hasil eksport Iran; kejayaan mereka akan memberi implikasi yang hebat dalam negeri-negeri Dunia Ketiga yang lain di mana hanya terdapat beberapa barangan penting yang mendokong ekonomi.

Namun demikian, tidaklah tepat jika Islam dikatakan hanya semata-mata sebagai ciri ideologi revolusi yang cetek sahaja (sebagaimana juga tidak tepatnya jika dikatakan Islam itu bersifat reaksioner). Di atas sebab-sebab yang telah dibincangkan, Islam mempunyai peranan yang penting dan lebih berkesan dalam pembentukan kesedaran revolusioner ini.

Di samping itu, oleh kerana setengah pemimpin pembangkang terdiri dari alim ulama, maka di peringkat akhir revolusi Iran, ianya mula dilihat sebagai satu revolusi Islam; dengan itu, perlulah dirumuskan satu alternatif politik yang mengikut garis-garis dan seterusnya seruan untuk mengujudkan 'Republik Islam'.

Sekarang, ianya digunakan untuk manafikan aspirasi-aspirasi kelas pemodal dan juga kelas pekerja. Ianya menghadkan kuasa modal —yang dibenci oleh seluruh rakyat

jelata—di samping menekan permintaan-permintaan kelas pekerja tertentu. Sanjungan yang ditaburkan ke atas kemenangan 'Republik Islam' telah mengaburkan hakikat perubahan sosial yang masih terhad setakat ini; ianya juga tidak mencadangkan apa-apa perubahan asas untuk membentuk semula ekonomi Iran.


Masalah Kelas

Oleh yang demikian, walaupun revolusi Iran telah mencapai kejayaan politik yang besar dalam perjuangannya menentang rejim tentara yang begitu bergantung kepada imperialis, pertentangan dalam gabungan berbagai kelas yang pernah menyokongnya sekarang ini akan menentukan masa depannya.

Tindakan menghukum mati beberapa kunci rejim yang telah jatuh tidak akan dapat menyusun semula struktur kelas; tindakan memilih negarakan beberapa perusahaan penting yang terpilih tidak juga dapat memberi taraf revolusioner kepada satu kerajaan yang berusaha untuk mengujudkan semula satu sistem pasaran bebas—walaupun atas 'dasar yang lebih adil'—yang masih mempunyai kaitan rapat dengan Barat.

Kegiatan politik lain ulama yang makin berkembang sekarang ini telahpun mendedahkan pertentangan di kalangan golongan ini (walaupun keadaannya sentiasa berubah dan tidak dapat ditentukan). Ayatollah-ayatollah yang lebih konservatif—yang mendapat sokongan dari pihak tertinggi di kalangan alim ulama dan pihak peniaga yang kaya—tidak mempunyai hasrat untuk membawa perubahan sosial yang pokok.

Mereka terdiri dari anasir-anasir yang cuba manafikan ketidakseimbangan



Demonstrasi bersenjata

bangan kelas dengan menguatkuaskan undang-undang serta amalan keugamaan yang bersifat dogmatis (yang menggantikan ciri-ciri barat yang buruk juga). Walaupun bilangan mereka kecil, tetapi mereka berpengaruh dari segi politik dengan menampalkan gelaran 'sekular' dan 'anti-revolusi' kepada mana-mana pergerakan berasaskan kelas (sama ada berlambang keugamaan atau sekular).

Golongan ugama 'liberal' yang sederhana mempunyai kaitan yang lebih rapat dengan burjuis nasionalis—sistem pembangunan negara yang dicadangkan oleh kerajaan bekas perdana menteri Bazargan tentu sekali memberi manfaat kepada mereka, samada di dalam atau di luar badan-badan awam.

Rejim Shah yang bersifat kuku besi dan keras telah menyebabkan berbagai kumpulan pentang memasuki pergerakan revolusi sehingga Revolusi Iran melibatkan berbagai kelas.



AMERIKA SYARIKAT: DALANG SEBALIK SHAH

Samada kita sokong atau tidak sokong perbuatan penuntut-penuntut Iran di Teheran, kerajaan AS patut disalahkan kerana kegiatan-kegiatan yang sengaja membahayakan kakitangan kedutaannya di Iran. Misalnya, Dr. Henry Kissinger sendiri mengakui bahawa ia dan David Rockefeller (pengerusi Chase Manhattan Bank) telah kuat berusaha supaya Shah diberi perlindungan dalam AS. Kata Kissinger, Shah itu adalah 'sahabat karib kita yang selalu setia kepada polisi-polisi kita'.

Mengapa Rakyat Iran Bencikan Shah

Di sinilah terletaknya punca kebencian rakyat Iran kepada AS dan Shah. Mereka berdua tidak boleh dipisahkan sebab mereka saling tolong-menolong sesama sendiri selama tiga dekad kedudukan Shah itu dijamin oleh kuasa AS.

Pada masa itu juga Shah telah mempertahankan kepentingan Amerika di rantau itu. Umpamanya, ia telah mengkhianati umat Islam apabila ia membekalkan minyak kepada Israel, anak angkat Amerika. Ia juga membekalkan minyak kepada rejim kulit putih di Afrika Selatan yang amat kejam.

Apakah langkah Carter itu membenarkan Shah masuk AS semata-mata berdasarkan kepentingan ke manusiaan kepada Shah? Tidak seharusnya. Ada sumber-sumber yang menyatakan bahawa penyakit Shah

sudah lama wujud tetapi itu tidak pernah menghalangnya memerintah ataupun bermain salji di Switzerland. Lagipun alim ulama Iran pernah memberi amaran keras kepada Carter supaya jangan melindungi musuh mereka itu.

Pihak Iran juga ragu-ragu bahawa kemasukan Shah ke dalam AS itu adalah langkah untuk menggulingkan kerajaan Khomeini. Ini pernah berlaku dalam sejarah Iran.

Lahirnya SAVAK

Untuk menjaminkan kedudukannya selama-lamanya, AS mencadangkan satu badan peristik SAVAK ditubuhkan. Pasukan polis rahsia telah dibantu oleh pegawai-pegawai Israel dan AS.

Daripada tahun 1956, SAVAK telah menjalankan kerja-kerja merisik, menangkap, menyiksa, malah membunuh penentang-penentang Shah. Dalam tahun 1972 umpamanya, sekurang-kurangnya empat orang jeneral tantera telah dibunuh oleh SAVAK! Ini tidak termasuk mangsa-mangsa biasa.

Sebagai ganjaran kepada Amerika Syarikat yang telah meletakkan kembali ke tongkok kekuasaan, secara tidak langsung, AS telah diberi penguasaan terhadap minyak Iran buat pertama kalinya.

Rampasan Kuasa Anjuran CIA

Dua puluh enam tahun dulu, pada tahun 1953, Iran telah mempunyai seorang pemimpin nasionalis

Burhanuddin Abdul Kadir

yang disayangi rakyat. Namanya ialah Mohd. Mossadegh dan ia telah memiliki-negarakan kekayaan minyak demi kepentingan rakyat Iran. Dengan itu, Mossadegh telah memusuhi AS dan lain-lain kuasa Barat. Pada ketika itu, Shah telah juga melarikan diri, tetapi, Mossadegh digulingkan oleh CIA dan Shah pula dipulihkan kepada tahta meraknya.

Pakatan Tentera

Iran telah juga menyertai Pakatan Baghdad atau CENTO pada tahun 1954 dengan alasan untuk mempertahankan dirinya. Sebenarnya ini adalah alasan sahaja. Melalui pakatan ini, AS dapat peluang menggunakan Iran sebagai pengawalnya di Asia Barat, untuk menstabilkan keadaan politik di Teluk Parsi dan Lautan Hindi.

Melalui CENTO, Shah mengambil kesempatan untuk membesarkan angkatan tenteranya bagi mengukuhkan kuasanya dalam negeri. Pada akhir tahun tujuh puluhan, Iran merupakan negara Asia Barat yang mempunyai kekuatan tentera yang paling kuat dan moden.

Dalam tahun 1978, tentera daratnya mempunyai 280,000 orang dengan kelengkapan 760 buah kereta kebal Chieftain dan 459 buah kapalterbang tentera, yang kebanyakannya dibekalkan oleh AS. Walau bagaimanapun, kekuatan senjata ini tidak dapat menyelamatkan Shah dari kemarahan rakyat. Shah telah digulingkan setelah membunuh hampir 60,000 rakyat Iran.

Golongan ugama yang mendapat inspirasi dari Allahyarham Ali Shariati adalah lebih radikal. Pengaruh mereka dalam cucuk pimpinan makin berkurangan, terutama sekali setelah Allahyarham Ayatollah Taleghani—yang pernah mendapat jumlah undi terbesar dalam pilihanraya tahun lepas—meninggal dunia beberapa bulan lepas dalam keadaan yang pernah menimbulkan persoalan. Pengharapan mereka ini terhadap Imam Khomeini makin tipis walaupun pendiriannya tentang masa depan Iran masih kurang jelas.

Pergerakan sayap kiri yang telah dapat memperolehi sokongan besar dan juga senjata-senjata semasa revolusi, sekarang telah mengalami serangan fisikal dan juga dalam bidang ideologi—di perhimpunan ramai, di kedai-kedai buku dan di kilang-kilang. Jelas sekali kekacauan belum lagi selesai.

Konflik yang paling serius sekali pada masakini ialah dengan kaum kaum di beberapa jajahan di Iran yang telah lama ditindas dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan. Keadaan mereka adalah menyedihkan. Tetapi, dengan semangat dan kekuatan baru, mereka telah berjaya menentang rejim Shah dan akan terus mempertahankan kepentingan mereka terhadap pemerintah baru, termasuk Pengawal Revolusi Islam yang dihantar oleh pihak kerajaan pusat.

Kebangkitan Wanita

Kehebuhan yang dibuat oleh media akhbar Barat apabila mereka membandingkan usaha Shah untuk 'meninggikan taraf wanita' dengan keadaan wanita pada masa selepas revolusi telah mengaburkan isu yang sebenarnya. Rancangan Shah memang menghasilkan lelaki serta wanita kelas pertengahan yang berpelajaran dan bermirip ke Barat. Tetapi, kebanyakannya kaum wanita hanya dapat kuasa untuk mengundi dalam pilihanraya yang penuh dengan tipu daya. Semakin ramai dari mereka hanya dapat bekerja sebagai

ramai kaum wanita yang mengambil bahagian dalam perjuangan itu dan mereka telah memainkan peranan yang belum pernah disaksikan dalam sejarah.

buruh murah saja dalam perusahaan-perusahaan besar.

Kita harus sedar bahawa sejak zaman berzaman kaum wanita pernah bekerja dengan mendapat bayaran yang paling rendah dan dalam keadaan yang tidak menyenangkan sekali. Setengah cara menindas wanita telah begitu sebat sekali dalam kebudayaan sehingga revolusi tidak mengubahkannya.

Bagaimanapun, revolusi ini mendapati begitu ramai kaum wanita yang mengambil bahagian dalam perjuangan itu dan mereka telah memainkan peranan yang belum pernah disaksikan dalam sejarah. Islam merupakan penggerak fahaman yang berkesan, terutama kerana kaum wanita ditindas di rumah dan dalam sektor tradisional.

Kesan Revolusi Iran

Revolusi Iran telah menjaskankan sistem kapitalis dunia. Pihak Barat telah kehilangan kawalan berkesan ke atas lebih kurang 18% minyak OPEC. Afrika Selatan dan Israel yang bergantung kepada Shah untuk mendapat lebih daripada 80% minyak yang mereka perlukan

telahpun menerima cedera yang hebat sekali.

Pembatalan kesemua perjanjian pembelian senjata oleh kerajaan Iran baru bermakna pasaran senjata antarabangsa telah kehilangan pembeli senjata yang terbesar sekali. Keadaan ini memerlukan penjual senjata antarabangsa mencari pasaran alternatif di kalangan rejim-rejim Dunia Ketiga lain yang mengutamakan pembangunan dari segi ketenteraan.

Tidak ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Amerika Syarikat akan mengkaji semula peranannya sebagai kuasa besar rantau ini. Malahan, pembinaan pengkalan tentera lautnya di Pulau Diego Garcia dan pemberian semula senjata-senjata baru kepada kerajaan yang pro-Amerika di kawasan ini hanya merupakan penyesuaian semula dalam taktik supaya Amerika dapat memajukan peranan tenteranya secara terus-terang dan mencari sahabat baru. Di samping itu, perjuangan di Iran ini juga akan terus dipengaruhi oleh tindakan kuasa-kuasa asing.

NI



Wanita baru Iran?

Mengapa

kami menulis

SIRI KARTUN

AL-KISAH KAPITALISME

Sweden
Oktober 1970

Pembaca Budiman !
Sebenarnya penulisan
siri kartun ini sendiri
mengalami banyak
kisah dan peristiwa
yang agak panjang.
Sejarah penulisannya
bermula kira-kira
satu dasawarsa
lepas



mereka hairan
mengenang-
kan pergolakan
dunia hari ini.
Sungguh kami tidak
faham mengapa
terjadi nya keadaan
demikian. mereka
dengar radio, mereka
menonton televisyen
dan baca banyak
buku, namun mereka
masih juga gagal
memahami setiap
peristiwa yang berlaku.

Segala yang berlaku
semacam tidak
ada hubungan
dengan peristiwa
lain.

KITA MESTI MEMAHAMI
PUNCA MASALAH INI
TERLEBIH DAULU.
KITA MESTI MENGKAJI
SEJARAH !



TAPI DUNIAINI TERLILU
LUAS DAN SEJARAHNYA
TERLILU PANJANG.
TENTU SEKALI KAJIAN
INI MENGAMBIL MASA

Sebuah kumpulan
pemuda di Sweden
sepakat menutuskan
untuk mengkaji
dengan teliti sejarah
Eropah dan Afrika
sepanjang masa
500 tahun yang silam.
Lalu, mereka
mengunjungi setiap
perpustakaan di bandar
untuk mendapat

buku-buku yang
ada kaitan dengannya.

Mereka membaca
dan terus membaca
 sehingga mereka
berjaya mengumpul-
kan banyak nota.



kemudian, mereka
adakan perbincangan
demi perbincangan...



Setelah sekian lama,
gambaran mengenai
maalah ini menjadi
semakin jelas!

Kemudian mereka
pempuai bahan
yang mencukupi
dan bersedia
untuk menerbitkan
sebuah siri kartun.

BEGITULAH CARA MEREKA DAPAT ILHAM
UNTUK MENERBITKAN SIRI INI ...

IANYA MESTI
SENANG
DIBACA !

DAN
MUDAH
UNTUK
DIPAHAMI
OLEH
KANAK-
KANAK

TAK
MENASABAH
LANGSUNG !

APA SALAHNYA
KALAU
KANAK-KANAK
MEMAHAMI
PERGOLAKAN
DUNIA HARI
INI ?

Lalu mereka
sediakan rangka
kandungan siri
kartun tersebut.

RINGKASAN



Nasib baik juga
ada orang yang
bersimpati dengan
kami dan menyetujui
pendapat kami.

AWAK BOLEH
CETAK SENDIRI

BAIK LAH

Akhirnya mereka
usahaikan penerbitan
itu bersungguh-
sungguh



Mereka melukis dan
menulis sambil
membuat pembetulan
demikian pembetulan...

WAH, MUTUNYA
BAIK, TAPI TIDAK
BAGITU SESUAI
UNTUK BACAAAN
KANAK-KANAK.

LAGIPUN,
BELANJA UNTUK
PERCETAKANNYA
TERLALU TINGGI


SEKARANG
MEREKA
SUDAH
BERSEDIA UNTUK
MENCETAK...

sebelum mencetak,
mereka terpaksa
mempelajari cara-cara
percetakan terlebih
 dahulu... dan tentu
 sekali pelajaran ini
 memerlukan masa...

SAH YANG
INI TERBALIK
COMOT
DAN KOTOR

JADI DIHARAP PEMBACA SOKA DAN BERPENGARUH

Kemudian, beberapa
terjemahan telah
diterbitkan di seluruh
 dunia. sebuah siri
 filem televisyen berwarna
 juga disiarkan....




Sekarang, NADI INSAN
mempersembahkan
edisi Bahasa Melayu
yang sulung.
Demikianlah kisah
"AL-KISAH
KAPITALISME".

Sekarang, saudara
saudari pembaca, siri ini
siap untuk anda




JIKA JIKA
NADA DENGAN
TAK MEMERlUKAN
BERPENGARUH
DENGAN DENGAN
TAK TAK

PERJALANAN SE ORANG PENGEMBANG




Bukisan ini menggambarkan kehidupan di Empah Tengah dalam tahun 1400 an. Empah Tengah mengandung beberapa buah keriaan kecil, terpisah antara satu dengan lain dalam hutan tebal. Banyak di dalam sebuah negeri tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam negeri yang lain. Mereka tidak menjalih kerana seorang pengembang

terlalu kilang ada petrol dan juga tidak ada tanah tempat mengajam tanah. kaum PETANI yang mahir kerja, Para Tukang yang mahir membuat kapit, bayak atau membumi hutan belantara disebabkan meneza kerana takutkan binatang buas, hantui atau malice lain yang meriochaya. Banyak di sini dengan memburu dan mengumpul bahan leperuan di samping mencucuk tanam dari mentarai. Kanak-kanak tidak bersetelah kota dan pulau bertambah di



PETANI DAN TUKANG JAHIT MESTI MELAKUKAN SEMUA JENIS KERJA BAGI MENYEDIAKAN SEMUA KEPERLUAN HIDUP, SEPERTI MAKANAN, PAKAIAN DAN TEMPAT TINGGAL.



Walaupun pembesar negeri dan padri tidak bekerja, mereka mempunyai makanan yang banyak, pakaian yang selesa dan tempat tinggal yang semipurna. MENGAPA PULA BEGITU?


Kerana pembesar negeri dan padri MENGUASAI TANAH. Petani dan tukang mahir terpaksa membayar CUKAI yang tinggi kepada pembesar negeri dan padri untuk dibenarkan tinggal dan bekerja di atas tanah tersebut (cukai ini dibayar dengan gandum, susu, daging, kasut, pakaian atau senjata).

Tidak ramai rakyat yang berani bersungut mengenai perkara ini kerana pembesar mempunyai sebilangan askar bersenjata yang sentiasa bersedia menghancurkan siapa saja yang memberontak.

Padri menakut-nakutkan rakyat dengan ugutan bahawa neraka sudah disediakan untuk mereka yang enggan membayar cukai.

MAKA UJUDLAH KELAS DALAM MASYARAKAT

Golongan Tidak Bertanah :



Golongan yang Menguasai Tanah :

PADRI dan Pembesar Negeri

PATUT KAH GOLONGAN YANG TIDAK MENGUASAI TANAH
MEMBAYAR CUKAI KEPADA GOLONGAN YANG MENGUASAI TANAH ?



STEVEN : umur 11 tahun
cukai sudah sedia
ada sejak dulu.
saya tidak
dapat gambar
-kan satu
keadaan di
mana cukai tidak
dikenakan.



IBU : umur 64
TAHUN.

DATUK SAWA
DULU BODOH
DAN BELIAU TELAH
MEMBERONTAK. DIA
MENGHASUT SUPAYA SEMUA
ORANG JANGAN MEMBAYAR
CUKAI. KB BETULANNYA NEGERI
KAMI MENGALAMI KEBULURAN
PADA TAHUN ITU.



SOREN : Umur 29 tahun
kalau tidak ada satu
golongan yang menguasai
tanah, kami mungkin tidak
ada pekerjaan.



Permaisuri:
Umur 34 tahun
Berani mereka
menderhaka?
Bukan ini tanah
beta dan beta
berhak mengena
-kan cukai?



Padri : Umur 57
tauhun

Kaya dan miskin
adalah ketiadaan
Tuhan. Tuhan
mengkehendaki
supaya mereka membayar
cukai kepada kami.

APA SEBENARNYA KEKURANGAN SHAHNON?

ULASAN MUNIRA DIPERSOALKAN

Wira Jaya

Pandangan Munira terhadap novel Shahnon Ahmad yang terkenal—Ranjau Sepanjang Jalan—amat menarik dan tajam. Saya setuju seratus peratus bahawa novel itu menyalahkan nasib dan sikap petani serta alam sekitar sedangkan perkara-perkara lain seperti sistem masyarakat (termasuk soal penindasan) tidak diberi perhatian yang wajar.

Dalam kata-kata Munira sendiri, pengarang secara tidak langsung memberitahu kita bahawa punca masalah petani bukanlah masalah penindasan tetapi adalah disebabkan oleh kegagalan petani itu sendiri untuk menguasai kuasa-kuasa alam semulajadi.'

Ada juga beberapa kekurangan lain novel itu yang tidak disebutkan oleh Munira. Misalnya, pada hemat saya, Shahnon terlalu mementingkan perwatakannya tetapi tidak memberi perhatian yang wajar kepada perkembangan serta pautan yang logik terhadap ceritanya.

Hujah saya demikian. Jikalau Munira ingin mengulas buku Shahnon, ulasannya tidak mencukupi. Selain dari itu, patutkah saudari itu menafikan bahawa hubungan antara manusia dan alam sekitarnya adalah penting juga.

Kekurangan novel Shahnon tidak terdapat di soal ini. Masalahnya adalah kerana penghuraian Shahnon terhad kepada perkara ini sahaja dan tidak pula menyiasat soal perhubungan kemasyarakatan, iaitu antara manusia. Tetapi jikalau Shahnon disalahkan seperti terdapat dalam ulasan Munira itu, saya rasa keritikannya tidak tepat dan

berbau dogmatis serta realisme kasar, iaitu suatu penderian yang cetek dan dogmatis.

Sekiranya tujuan Munira adalah untuk menggunakan novel itu sebagai contoh untuk hujahnya tentang kekurangan kesusasteraan Melayu kini, bolehkah kita nafikan bahawa novel Shahnon itu menyentuh soal kemiskinan? Sekali lagi keritikan saudari pengulas kurang tepat. Kekurangan novel Shahnon itu bukan kerana dia tidak menyentuh masalah rakyat tetapi sebab dia memberi taksiran yang mengejirukan.

Akhir sekali, saya ingin mempersoalkan sikap Munira apabila dia menuduh penulis yang mengagung-agungkan soal demokrasi dan kebebasan sebagai penulis borjuis (dengan implikasi bahawa golongan ini gagal untuk mentafsirkan kepincangan masyarakat).

Apakah keritikan ini wajar?

Pada pendapat saya, tugas penulis yang sanggup mengabdikan dirinya kepada rakyat adalah untuk memperjuangkan pembebasan serta demokrasi yang tulin. Kita tidak dapat menafikan bahawa setengah pengarang yang kononnya membelaikan perkara-perkara seperti ini memberi maksud cetek yang mengelirukan kepada konsep-konsep ini. Tetapi patutkah konsep itu disalahkan?

Walaupun pada keseluruhannya, tujuan karangan saudari Munira adalah amat baik, saya berpendapat bahawa kita harus berjaga lebih apabila kita cuba membincangkan soal-soal ini. Kalau tidak, gambaran yang sempit, cetek dan dogmatis tentang maksud kesusasteraan realis akan timbul dan ini pula mudah disalahfahamkan oleh orang ramai dan ia akan dijadikan sasaran bagi mereka yang sebenarnya menentang aliran ini.



Sebab kemiskinan—nasib atau sistem?

Pencak Langkah

KABAR DARI FILIPINA

Imelda, isteri Presiden Marcos, ketika berbaring sebelum tidur telah berbisik ke telinga suaminya supaya melantiknya menjadi *Minister of Mines* dalam kabinet baru suaminya. Marcospun terperanjat besar, sebab untuk isterinya telah diberikan jawatan yang jauh lebih besar dari terhormat, iaitu Datuk Bandar—maafkan kami, bukan Datuk, tapi Datin Paduka Bandar atau Nenek Bandar—bagi Metromanila.

(Oleh kerana Filipina telah memakai sistem metrik, Manila pula berubah menjadi Metromanila. Juga oleh keinginan Marcos untuk menjadi Superman di rantau ini. Jadi seorang Superman di barat tinggal di Metropolis, maka Superman di timur ada di Metromanila. Harap jangan salah paham dan salah baca, Superman itu bukan nama Jawa.).

Kembali kepada bisik Imelda kepada Marcos di suatu malam di bilik peraduan. Bila Marcos mendengar permintaan dari isterinya, maka Marcos lalu bertanya: 'Wahai adindaku Imelda, kenapakah gerangan maka adinda menghendaki jawatan *Minister of Mines*?'

Sambil memeluk suaminya, Imeldapun menjawab: Kekandaku Marcos, dengan menjadi *Minister of Mines*, saya akan menjelajah ke seluruh negara untuk mengumumkan: 'This is mine, that is mine'.'



KABAR DARI UGANDA

Orang Uganda sekarang seronok kerana Idi Amin telah digulingkan. Pernah pada suatu masa duhu ketika berkuasa, Idi Amin ingin menukarkan nama negerinya kepada namanya sendiri.

Baru-baru ini, seorang wartawan luar negeri telah mengemukakan pertanyaan kepada beberapa orang Uganda. Kata wartawan itu, 'Apakah anda masih mau memakai nama negeri anda yang dicipta dan diperkenalkan oleh penjajah Inggeris? Nama Idi, sekurang-kurangnya panggilan dari negeri anda sendiri.'

Orang-orang Uganda itu segera menjawab: 'OO, tidak. Tidak samasekali. Kalau orang Cyprus itu dipanggil 'Cypriots', kami tidak mau orang akan memanggil kami 'Idiots' kerana nama negara kami Idi.' **Ni**

Hauuuuuu.

KABAR DARI IRAN

SAYA SUNGGUH BERHASIB BAIK.
KALAU AYATOLLAHINI TAK CULIK
ORANG KEDUAAN, SUSAHLAH NAK
TERUS JADI PRESIDEN

SYUKURLAH AKU. KALAU AMERIKA TAK
LINDUNGI SHAH, SUSAHLAH NAK CARI ISSU
LUAR UNTUK MENYATUKAN RAKYAT IRAN
SOKONG SAYA. TERUKLAH NANTI ORANG
KUNDARAB, ARAB AYERBAIJAN SERTA SAYAP KURI
RUSAKKAN RANCANGANKU



MONKEY BUSINESS

Are We Being Made Monkeys Of?

Y.Y. Chew

Recently, the U.S. National Cancer Institute awarded a US\$433,015 contract to Cambridge University (England) to plan and develop a primate research program in Malaysia. Several criticisms have been made against this program. We present some of them here.

With the rapid rate of progress in industrial and agricultural development, Malaysia faces many problems involving conflicting interests. Logging and land clearance for urban and agricultural development are causing the loss of many varieties of flora and fauna in our rain forest. Many of these varieties are unique, irreplaceable and in some cases invaluable to man. Late-ly, many commendable plans to control the exploitation of our forests have been proposed but it is becoming increasingly obvious that many of these may be too ineffective and too late.

Inexpert Expertise

Management of the environment seems to have entered the province of the expert and so it is often thought necessary to obtain help and advice from people in other countries who may—or may not—have experience in the subject. Unfortunately, this necessity can often give rise to the grave danger of importing people whose intentions and experience are not in the best interests of this country.

For instance, the International Primate Protection League has raised reasonable doubts about the suitability of Cambridge University itself and the researcher from there, a certain Dr. Chivers. The univer-

sity has no colonies of captive primates and therefore no outstanding expertise in this field. Dr. Chivers has published some population estimates of two primate species



in South East Asia (*Primate Conservation*, Academic Press, 1977). However, his estimates have been severely criticized by Dr. T. Struhsaker in *Science* (1st September 1978) as a gross overestimate. Dr.

Struhsaker also questioned the validity of the technique used by Chivers. Hence, it is very possible that Malaysia is not receiving reliable expertise in the field.

False Promises?

It has also been suggested that this primate research program offers the prospect of becoming a source of supply of primates used for biomedical research, that is, that the animals reared here will be sent to the U.S. to be used for experimental purposes. The proposers argue that the greatly improved health standards of recent decades owe much to the use of primates in biomedical research, e.g., in the testing of new drugs or in the study of diseases.

This contention is not really acceptable because many health scientists now believe that the improved health status of present generations is due more to improved environmental conditions—clean water supply and better sanitation—than to the production of new drugs. Thus, for example, in Malaysia we still suffer periodic epidemics of diseases such as cholera which is spread by the use of contaminated water because 66% of our population still does not get clean water.

Moreover, an opponent of this primate research program has pointed out that the public is often seduced into support of research projects by mention of cancer research which is a cause known to




Baby gibbon

draw sympathy. However, statistics show that less than 9% of all experiments performed on primates have been for the purpose of cancer investigation.

An example of the type of 'biomedical' research done on primates is the disgusting and senseless experiment that took place some years ago. An American scientist captured two baby monkeys, blinded them and then released them back into their group to see what would happen. They did not do very well and had to be helped by their group mates. Then they disappeared and the scientist proudly published his results!

It has also been claimed that the program will benefit Malaysians who will be trained in the field of wild primate management. However, the Malayan Nature Society has concluded that the Primate Research Centre will mostly benefit Cambridge University, with Malaysian academic institutions only getting fringe benefits. There will be very few local students who will want to be trained under this program because the job market in Malaysia for persons trained in wild primate management is limited.



My brother and I want to stay in Malaysia.


Obviously then, most of the beneficiaries will be from overseas.

Scientific Research For Whom?


Lastly, there is a rising social conscience and growing upsurge worldwide against the claim that science is a neutral activity. Unfortunately, this project has been allowed to proceed because many of us do not even know about it. Very often, such science projects are seen as beyond an ordinary person's understanding.

The Health Minister, Tan Sri Chong Hon Nyan recently insisted that there is no need for a Medical Research Council—as has been suggested by the public—because '**we have always been guided by the health needs of this country.**' However, last year's agreement to establish the Primate Research Cnetre demonstrates the inadequacy of existing arrangements. In fact, it underlines the necessity of popular control over the direction of scientific research in our country.

NI



Don't you dare take our son to America!



THE RIVER THAT DIED

A. Ritchie

NORMA stepped off the bus feeling very happy. At last she had come to the end of a long and tiring journey. It was the holidays and she had jumped at the chance of going home to her kampung, the kampung that she had not seen for four months since she went to the 'big city' to continue her studies.

There was no one to meet her for she had not written to inform them of her arrival. In any case she did not write often. Both her parents could neither read nor write and the simple task of correspondence was difficult for them. She knew that they had to enlist the help of others whenever they received a letter from her.

She was lucky, she felt. At least she had the opportunity to study that had been denied her parents a generation ago. But at what cost? Sometimes she felt like giving it all up. Far away from the kampung, she felt like the city was in another country. Hustle and bustle, noise and dirt with wealth and poverty side by side. The city,

she had learnt, was no paradise except for those who could throw money around. For the others it was much the same as the kampung—one long hard slog just to keep afloat.

SHE was happy to be home at last, free from the city's woes for a few weeks at least. She left the main road and walked down the red, dusty path leading to her house. As she walked, carrying her heavy bag, she began to feel that something was not right.

At first she thought that it was a dead cow or a chicken that had been left unburied. That was unusual for the kampung folk were always neat and hygienic in their ways. No, the smell came from the stream or at least what was left of it.

As she rounded the corner and walked up to the wooden bridge she could see what it had become. The river which had seemed as pure and clear as tap water only months before had become covered with scum. It

had flowed swift and strong even during the dry season but now it was sluggish and blue-green in colour. It looked and smelled of death and decay.

Dropping her bag, she ran the remaining 200 yards to her house, shouting for her parents. She could hardly believe what she had seen but even here, in her own house she could smell the stench.

That had begun just over three months ago, her parents told her, just a few weeks after she had left. The new, multi-million dollar sugar mill had finally been opened.

Thousands of acres of padi land and jungle had been cleared and replanted with sugar cane and the cane was now being processed in the mill. Lots of water was required for the process. After the sugar had been extracted, some of the water was cooled and re-used while the rest of it was just dumped into the river.

That afternoon she insisted that her father show her the source of the pollution. They walked a mile to the factory's outlet pipe and she could see it for herself. Dirty water poured from the huge pipe in a never-ending waterfall. It was hot water, still steaming from the bowels of the factory and contaminated with sugar cane wastes.

Here, at the source, the water was almost black in colour. All the vegetation in the vicinity of the pipe had been killed by the heat and the sugar in the water. The sweet, sickly smell of sugar was all around her.

Just a few hundred yards upstream of the pipe, the water still flowed clear and cool. The women of the kampung splashed about, washing their clothes and their babies. Others collected water in plastic buckets and carried it all the way to their homes.

THE next morning Norma helped her mother with the chores and she found that even the simplest task had become very time-consuming. Before, she had taken water for granted because of the river nearby. Now, to wash the clothes, she had to walk a mile upstream to get clean water. Drinking water was obtained from a well belonging to the neighbouring kampung, half a mile away! Houses near the road were being supplied by the Jabatan Kerja Raya, which sent a water truck every morning but the truck only provided two to three buckets per house. Since their house was so far from the road, they often did not get any water.

Over the next few days, Norma realised what the pollution from the sugar mill meant to her family and to the other people in her kampung. Formerly, her mother used to complete her household chores in the morning and in the afternoon she was free to help her father in the fields or relax and sew a little. Now it took her all day just to cook, wash clothes and to collect water.

Her father used to have a quiet bath every afternoon before mid-day prayers to wash away the sweat and dirt of the fields but now he could not. In the evenings he used to fish in the river but now no fish could survive in the sugar cane juice.

In the first week after the factory opened, hundreds of fish floated to the surface—mabuk from the juice. The lucky ones swam away into the larger river downstream but the rest just died, their tails and fins eaten away by disease. Even the ikan keli, the toughest fish of them all, had been wiped out by the disease. Norma's family had not eaten fish since the river died.

NORMA'S father, Yusuf, had tried to do something about the problem soon after it started. He called a meeting of all the people in the kampung to discuss ways of stopping the pollution. Many came to the meeting but the people were divided. Some of the young men worked for the company, cutting cane and tending the fields. The ketua kampung was a supervisor in the security section of the company. So he was against any action proposed. The pollution was 'temporary' he said, but everyone could see that it had come to stay.

Finally, the kampung decided to write to the various governmental departments asking them to look into the matter, to stop the pollution and to compensate them for their losses. After three months, none of the departments had bothered to reply. In fact, most of the big wigs connected with the area had come to the opening ceremony of the mill. There was music from a big band, tea and of course, the usual speeches praising the benefits from the establishment of the mill. None, however, had stopped to talk to the kampung folk, except for the D.O. who had a quick word with the ketua kampung on an old unsettled matter.

Now, most of the kampung had given up the fight. There was nothing they could do, they said. Yusuf was bitter. The officials had talked of development, of saving foreign exchange and of growth centres but to him and his people the mill meant other things as well. He did not have to study economics or accounting to realise that their standard of living had dropped drastically. Life had always been a struggle but now it had taken a turn for the worse. He was losing weight because he had to work harder and eat less fish since the mill had opened.

Reluctantly, Yusuf now turned to his daughter and tried to tell her, with words that would not come, that she could not go back to college. She would have to get a job as soon as possible so that she could send them some money to pull them through.

Norma felt a sense of loss. Her lecturers in college had never talked about people when they taught her about development and the great benefits it would bring to the country. Slowly, she began to realise that they had never told her to whom these benefits went. Now she knew to whom these benefits did NOT go.

MENTERA KEPADA DUNIA

baiklah duduk diam daripada menerpa langit
matahari makin merah dan langit lesu
manusia asyik meminum darah dari cangkir pesta
ketawa menggelepar di bawah bumbung rumah
sang pemuka yang mabuk kuasa
atau pemian api.
manusia semakin mendongkol sesama sendiri
menikam anak-anak dengan belati perang
darah semakin hitam membuaik di bawah baju
hati telah hancur tak terkejar erti hidup
dan kemakmuran yang tersangkut di celah dahan
gugur menimpa harapan yang menjadi duri
pengembara tak perlu mempunyai matlamat
kapal tak perlu ada pelabuhan
kerana di depan ada dinding
tebal, tinggi dan tajam.
damai telah disapu setiap datangnya angin
tak terjangkau tangan atau ucapan meminta tolong
setelah manusia terlalu angkuh
dan lupa tentang nikmat-nikmat yang ada
belantara semakin pupus, kering dan merekah
burung-burung tak terbang atau bersiul
mega menjadi pekat bergerak merapati kampung
meredah atap dan bangunan batu
memukul pohon dan meruntuhkan gunung
sengsara ini tak tertanggung lagi
tamadun telah terlalu tinggi
inilah erti ketinggian itu
wajah semakin pucat dan daerah bernanah
sungai menjadi lendir dan hanyir
ikan-ikan berkaparan maut tak bernisan
bencana ini amat keras
kalimat dan suara menjadi kering
hangus di rahang mulut sendiri
lalu ditelan sebagai penahan lapar
lapar kepada damai.

Darma Mohammad.
Pasir Mas, 79.

SALAM DARI CHICAGO

Salam dari Chicago
buat penatap masa kian singkat
aku tetap bersamamu
nyanyianmu selalu kudendangi
siang dan malam
dari laungan-laungan kenderaan
bersama jeritan-jeritan kaum kulit hitam
konon menghitam keputihan bandar
konon menambah statistik jenayah.
Sikulit hitam adalah kemaknusiaan
masih terdapat dek diskriminasi
dalam sistem bermama demokrasi.
Suaramu suara kepedihan
tidak semerdu muzik kedengaran.
Pak hitam tetap tabah tetap ke depan
demī memanjat liku-liku barparut
untuk mengubati luka-luka sejarah.

Salam dari Chicago
sajak untuk mengenangkan
anak-anak pribumi Amerika (American Indians)
yang kian tenggelam
lemas di lautan arak dan tembakau
ditelan di tengah-tengah pergolakan metropolitan.
Mereka adalah mangsa
bersama pengorbanan tak ternilai
untuk kemajuan melalui penjajahan.
Engkau tak jemu menentang
kuasa-kuasa putih berlagak syaitan.
Engkau tak pernah menang
dalam filem-filem ciptaan mereka.

Salam dari Chicago
dari 'west side' penuh kengerian
tapi bagiku satu pengalaman
teriakan ghettos, laungan kemiskinan,
menyatakan memang memedihkan
jurang perbezaan masih memanjang.

Salam dari Chicago
bermesra di Ashland Avenue
masyarakat Chicano masyarakat pendatang
bahasa yang manis didengar
kehidupan yang pahit dirasa
sentiasa diketepikan
konon merebut hak kewarganegaraan.

Salam dari Chicago
suasana malam yang sentiasa berderang
lorong-lorong sempit yang mencurigakan
di sinilah punya kehidupan
dalam dunia serba berlainan
inilah kota kaya kebudayaan.

Manan Wan
Chicago, 1979.

THE CHINA SYNDROME:

BUKAN FILEM MENGENAI NEGERI CHINA

Ahmad Hamid

Kemungkinan kemalangan reaktor nuklear hebat yang mengakibatkan isi (*core*) reaktor menjadi cair tenggelam menembusi bumi Amerika Utara sehingga timbul di China adalah contoh bahaya nuklear yang disampaikan melalui filem *The China Syndrome*.

Filem ini bermula apabila beberapa orang pemberita TV—termasuk Kimberly Wells (Jane Fonda) dan Mike (Michael Douglas)—melawat Jenakuasa Nuklear Ventana di California untuk membuat sebuah filem tentang soal tenaga.

Tiba-tiba gegaran berlaku dan semua pesawat kawalan tidak dapat dikawal. Keadaan menjadi lebih gempar dalam bilik kawalan apabila kakitangan pusat kawalan itu gagal menghentikan reaktor. Dalam keadaan genting ini, Jack Godell (Jack Lemmon) berjaya menyelamatkan reaktor tersebut.

Keadaan yang gamat dalam bilik kawalan telah dapat difilemkan—secara rahsia—oleh Mike. Oleh sebab tayangan filem berita itu telah disekat oleh syarikat tenaga nuklear dengan kerjasama syarikat TV, Mike pula mencuri filem tersebut. Kemudian, seorang jurutera nuklear dan seorang ahli fizik memberitahu Mike bahawa kemalangan yang disaksikannya itu adalah sangat serius.

Ilham

Bagi Jack Godell pula, kejadian itu menimbulkan pertentangan dalam dirinya antara kepentingan syarikat di mana dia bertugas dan kepentingan umum. Setelah didapatnya bahawa beberapa bahagian reaktor berkenaan tidak diper-



ikska dengan teliti, yakinlah dia bahawa reaktor itu akan menghadapi kemalangan.

Dia berani membantah penipuan yang dilakukan oleh majikannya yang mengutamakan keuntungan dari keselamatan orang ramai. Dia menghubungi Mike untuk mendahului bukti yang dipunyainya kepada Suruhanjaya Kawalan Nuklear. Seorang teman yang sedang membawa bukti tersebut sengaja dilanggar oleh orang suruhan majikan—Syarikat Jenakuasa Ventera tersebut.

Orang suruhan syarikat itu juga merancang untuk membunuh Godell sebab pendedahan kerosakan reaktor itu akan mengakibatkan kerugian besar bagi pihak syarikat itu. Setelah Godell diintip untuk dibunuhi, dia dapat menyelamatkan dirinya dengan mengambil alih pusat kawalan reaktor itu dengan menggunakan senjata.

Kemudian, dia menuntut supaya hakikat mengenai keadaan merbahaya di jenakuasa itu disiarkan kepada umum melalui TV. Pihak majikan terpaksa bersetuju tetapi akhirnya mereka berjaya membunuhi—dengan menggunakan pasukan SWAT—sebelum dia berjaya menerangkan segala yang penting. Walau bagaimanapun, akhirnya nampaknya pengorbanan Godell itu berjaya membuka mata rakan-rakan sekerjanya yang tidak sanggup terus

menyembunyikan keadaan sebenarnya.

Bahaya Nuklear

Filem *The China Syndrome* seronok ditonton sebagai *suspense thriller*. Filem ini juga berjaya menarik perhatian umum kepada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh satu cara mengeluarkan tenaga yang kurang selamat.

Tetapi masalahnya bukan hanya masalah yang berpuncakan kekuatan pengetahuan dan/atau kemampuan sains dan teknologi. Di sini juga, kepentingan ekonomi terlibat. Maka soal selamat/bahaya harus dilihat dalam konteks yang mengutamakan keuntungan atau kepentingan lain.

Isu ini juga adalah amat relevan kepada kita memandangkan rancahan menubuhkan PUSPATI yang akan mengandungi sebuah reaktor nuklear. Apakah projek ini dilaksanakan untuk kepentingan *prestige* adalah satu soalan pokok yang masih diragui oleh rakyat.

Perkara rumit ini—yang mempunyai banyak implikasi yang kompleks—patut dipersetujui oleh rakyat negeri ini sebelum dilaksanakan. Apakah rakyat di selatan negari Selangor memersetujui projek yang merbahaya dibangunkan di tengah-tengah kawasan kediaman mereka?

Driving today may get you into a situation where you need a little extra power to get out of trouble. A little extra pick-up and you can avoid something quite nasty.

This is why we regard power as an extra safety feature.

And we say additional safety feature because the Corona is one of the most safety conscious cars around. We have run them into brick walls and even thrown them out of helicopters to prove they can take it. And to wrap it all up the Corona has been treated to the most comprehensive rust-proofing system in the country.

The new Corona Deluxe Sedan has a specially balanced 1800 cc engine, which delivers a top speed of 103 mph (165 kph). And yet in extensive economy tests in Japan, the Corona has achieved results which you would not expect from an 1800 cc car.

You may have felt that power and peace of mind cannot mix. We feel they shouldn't be separated.

TOYOTA

Better value when you buy. Better value when you sell.

EVER THOUGHT OF POWER AS A SAFETY FEATURE?



THE NEW CORONA 1800 DELUXE SEDAN.

Branches: Kuala Lumpur • P.Pinang • Ipoh • Seremban • Melaka • Batu Pahat • Johor Baharu • 8/1E Petaling Jaya • Alor Setar • Taiping • Kuantan • Temerloh • Port Dickson • Kelang • Sg. Besi • Segamat • SS2/64 Petaling Jaya.

Dealers: Emastulin Automobile Sdn. Bhd, Kuala Lumpur • Kelantan Motors Sdn. Bhd., Kota Bharu • New State Motors, K. Trengganu • Universal Motors, Raub • Nesco Sdn. Bhd., Kuala Pilah • Hasrulie (M) Sdn. Bhd., Muar • Fadason Sdn. Bhd., Bukit Mertajam dan Butterworth • Sirdi Motors Sdn. Bhd., Teluk Anson • Rawi Motors Sdn. Bhd., Jerteh • Syarikat Jentarian Sdn. Bhd., Sg. Petani • Ithnin Yahaya & Woo Auto Sdn. Bhd, Kluang • Yusoff Motors Sdn. Bhd, Machang •

BORNEO MOTORS



dalil

adalah jamtangan yang
 dicipta khas untuk kaum
Muslimin dan Muslimat


Disamping memberi panduan waktu
 yang tepat, Dalil juga menunjukkan
 arah Kiblat dengan mudah — Dalil jam-
 tangan buatan Swiss yang masyhor.

Lazimnya umat Islam disebelah sini berpandukan kebarat
 mengikut arah matahari terbenam bagi menentukan Kiblat.
 Dengan terciptanya 'Dalil' maka sekarang amalan itu tidak
 perlu dilanjutkan lagi.

Walau dimana mana pun anda berada dan didalam apa keadaan sekalipun
 'Dalil' boleh menunjukkan arah Kiblat dengan betul dan mudah. Zan
 dan waham akan hilang, tetapi yakin akan timbul.

Inilah satu-satunya jamtangan Swiss yang paling baru dicipta dengan rekabentuk
 yang istimewa dan menarek bagi umat Islam.

Dalil jamtangan yang luar biasa buatannya — anti-magnet, tidak calar, tahan
 gegaran dan tidak diresapi air serta boleh dipercayai.



dalil menunjukkan Kiblat

Pembahagi tunggal:

UTG — SYED KECHIK (S.E.A.) Distributors Sdn. Bhd.

UTG — SYED KECHIK (S.E.A.) Distributors Pte. Ltd.

7th Floor, Syed Kechik Foundation Building, Bangsar, Kuala Lumpur 22-16, Malaysia. Tel: 9470

Suite 2003, 20th Floor, Shaw Centre, Scotts Road, Singapore 0922. Tel: 7373627.